



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI KHAMIS : 10 APRIL 2014**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 7 HINGGA 79)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 6  
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK JOSEPH SALANG ANAK**  
**GANDUM**  
**KAWASAN : JULAU**  
**TARIKH : 10 APRIL 2014, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM (JULAU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan konsep pembinaan Jalan Pan Borneo Highway. Adakah pembinaan jalan ini hanya melibatkan pelebaran jalan sedia ada atau membuka jalan baru.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam rancangan untuk membangunkan Jalan Pan Borneo ini, Kementerian berpandukan kepada Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalanraya Fasa 2 (HNDP Fasa 2) yang telah siap pada tahun 2010, iaitu Jalan Pan Borneo sedia ada akan dinaiktaraf ke tahap *dual-carriageway* secara berperingkat-peringkat sehingga siap keseluruhannya menjelang tahun 2025. Namun, di jajaran jalan daripada Sri Aman – Betong – Sarikei memerlukan banyak selekoh diluruskan kerana keadaan jalan sedia ada yang berbengkang-bengkok. Walau bagaimanapun Kerajaan bersikap terbuka dan bersedia menimbangkan cadangan oleh mana-mana pihak swasta yang berminat melibatkan diri bagi tujuan mempercepatkan pelaksanaan projek Jalan Pan Borneo.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
(SIBU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10.04.2014**

**Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI**

**KEWANGAN** menyatakan jumlah pemohon Rumah Mesra Rakyat dan permohonan yang berjaya diluluskan. Senaraikan mengikut negeri dan kaum.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sebagai sebuah Syarikat Milik Penuh Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan semenjak Ogos

1997 bertanggungjawab menyediakan rumah mampu milik yang berkualiti terutama kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Program Rumah Mampu Milik yang dilaksanakan oleh SPNB merangkumi jenis rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana dengan nisbah ditetapkan sejajar dengan polisi setiap kerajaan negeri. Rumah-rumah ini dijual pada harga serendah RM42,000 hingga maksimum RM250,000 dan harga tawaran rumah ini mampu diperoleh rakyat Malaysia khususnya bagi golongan yang berpendapatan rendah hingga sederhana.

Rumah-rumah di bawah Program Rumah Mampu Milik SPNB adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia kecuali bagi jenis kos rendah yang tertakluk kepada senarai nama pemohon yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Namun demikian, pelaksanaan rumah mampu milik ini adalah bergantung kepada ketersediaan tanah untuk dibangunkan serta kedudukan kewangan syarikat SPNB.

Selain itu, SPNB turut menyediakan Rumah Mesra Rakyat 1

Malaysia (RMR1M) dan program ini diwujudkan bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin.

Syarat-syarat kelayakan bagi Program RMR1M ini adalah warganegara Malaysia yang berumur dari 18 tahun hingga 60 tahun, berkahwin atau ibu/bapa tunggal yang mempunyai tanggungan, berpendapatan kasar isi rumah di antara RM750 hingga RM3,000 sebulan, tidak mempunyai rumah sendiri atau mempunyai rumah yang usang atau tidak sempurna dan mempunyai tapak/tanah yang sesuai dan tiada sekatan atau cagaran dan pemilik tanah memberi kebenaran bagi tanah untuk pembinaan atau gadaian. Pemohon boleh mendapatkan borang permohonan RMR1M daripada 21 cawangan SPNB diseluruh Malaysia ataupun menerusi laman web SPNB iaitu [www.spnb.com.my](http://www.spnb.com.my).

Mengikut statistik pada tahun 2002 hingga 2014, SPNB telah menerima 67,341 permohonan dan kesemuanya telah melalui proses saringan dan penilaian dan sebanyak 33,779 telah pun diluluskan. Tawaran pakej adalah menarik dan telah menjadi sangat popular sehingga bilangan permintaan yang diterima melebihi jumlah peruntukan yang

disediakan.

Jumlah pemohon yang telah diluluskan mengikut negeri dan kaum dari tahun 2002 hingga 2014 adalah seperti berikut:-

<b>TAHUN</b>	<b>PERMOHONAN</b>	<b>KELULUSAN</b>
<b>Terengganu</b>	<b>8,698</b>	<b>4,855</b>
<b>Kelantan</b>	<b>8,290</b>	<b>4,914</b>
<b>Pahang</b>	<b>6,715</b>	<b>2,971</b>
<b>Perak</b>	<b>7,017</b>	<b>3,501</b>
<b>Pulau Pinang</b>	<b>747</b>	<b>274</b>
<b>Kedah</b>	<b>7,411</b>	<b>4,228</b>
<b>Perlis</b>	<b>1,582</b>	<b>717</b>
<b>Selangor</b>	<b>3,741</b>	<b>1,539</b>
<b>Negeri Sembilan</b>	<b>5,117</b>	<b>2,736</b>
<b>Melaka</b>	<b>3,385</b>	<b>1,814</b>
<b>Johor</b>	<b>8,950</b>	<b>4,479</b>
<b>WPKL / Putrajaya</b>	<b>45</b>	<b>11</b>
<b>Sabah</b>	<b>2,556</b>	<b>764</b>
<b>Sarawak</b>	<b>2,869</b>	<b>946</b>
<b>Labuan</b>	<b>218</b>	<b>30</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>67,341</b>	<b>33,779</b>

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]**  
**TARIKH : 10.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menurunkan kuasa kepada Pengarah Pendidikan Negeri Sabah dan apakah kesannya terhadap pentadbiran Kementerian pada keseluruhannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telahpun membuat perwakilan kuasa kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk melaksanakan sendiri perolehan Tender Perkhidmatan (Perkhidmatan Kebersihan Kawasan dan Bangunan, Bekalan Makanan Bermasak dan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan) bermula pada 2 Januari 2014. JPN Sabah dan Sarawak adalah JPN yang terpilih sebagai rintis bagi melaksanakan Tender Perkhidmatan berdasarkan Perwakilan Kuasa tersebut. Satu Garis Panduan telah disediakan bagi membantu pegawai-pegawai di JPN untuk melaksanakan proses perolehan secara tender yang bernilai RM5 juta dan ke bawah.

Sehubungan dengan itu, dengan adanya perwakilan kuasa kepada JPN Sabah dan Sarawak ini, diharapkan akan dapat mempercepat dan memudahkan

proses perolehan Tender Perkhidmatan yang bernilai RM5 juta ke bawah. Perwakilan kuasa ini juga dapat membantu Kementerian memberi tumpuan kepada perolehan-perolehan secara tender yang bernilai lebih dari RM5 juta ke atas.

Rjm148

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [ JELUTONG ]

TARIKH : 10 APRIL 2014

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan secara tepat bilakah peruntukan bagi fasa Kedua **Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang, Jelutong Pulau Pinang** sebanyak RM150 juta yang terkandung dalam RMKe-9 tetapi ditunda ke RMKe-10 itu akan ditunai dan dilaksanakan. Fasa Kedua rancangan tersebut telah tergendala selama 15 tahun sejak 1999.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah memohon peruntukkan berkenaan dalam RMKe-10 (*Rolling Plan Ke-4*). Permohonan ini masih dalam pertimbangan pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Sekiranya permohonan tersebut diluluskan, Projek RTB Sungai Pinang Fasa II dapat dilaksanakan pelaksanaan dalam tahun 2015.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN**  
**MOHD HARUN NARRASHID**  
**KAWASAN : KOTA TINGGI**  
**TARIKH : 10 APRIL 2014, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID (KOTA TINGGI)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah ada perancangan pembesaran jalan raya atau ada pembinaan jalan baru bagi laluan Kota Tinggi ke Desaru ke Pengerang memandangkan di kawasan tersebut merupakan kawasan pembangunan hub gas dan minyak. Ini kerana, jalan tersebut akan dilalui oleh lori besar dan dikhuatiri akan membahayakan pengguna jalan raya yang lain.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek naik taraf jalan Kota Tinggi ke Pengerang dilaksanakan secara berperingkat. Jajaran yang akan dilaksanakan terlebih dahulu adalah dari Jalan Persekutuan FT092 dari Bandar Penawar ke Sg. Rengit, Kota Tinggi, Johor. Manakala jajaran yang melibatkan laluan daripada Kota Tinggi ke persimpangan Lebuhraya Senai-Desaru (SDE) akan dipertimbangkan tertakluk kepada pengesahan keutamaan daripada Kerajaan Negeri Johor dan kelulusan peruntukan oleh Agensi Pusat.

Projek FT092 dari persimpangan SDE hingga Sg. Rengit dibuat secara 2 pakej iaitu Pakej A dan Pakej B. Skop Pakej A melibatkan naik taraf jalan sedia ada kepada kepada jalan berkembar 4 lorong 2 hala mengikut piawaian JKR R5 sepanjang 14.6km dari persimpangan SDE hingga ke KM14.6 berhampiran Felda Gugusan Adela. Manakala Pakej B pula melibatkan skop menaik taraf jalan sedia ada kepada jalan *dual-carriageway* mengikut piawaian JKR R5 sepanjang 12km dari KM14.6 hingga persimpangan Sg. Rengit. Projek ini dijangka akan dimulakan serentak pada pertengahan tahun ini (2014) dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh 36 bulan.

Di samping itu, Kerajaan juga telah bersetuju untuk membina jalan baru dari Jalan Persekutuan 92 (FT 092) ke Pusat Latihan Rekrut (PULAREK), Kota Tinggi, Johor. Skop projek ini ialah membina jalan baru *dual-carriageway* sepanjang 14km dengan reka bentuk piawaian JKR R5. Jajaran projek ini terletak di sempadan bahagian

utara Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC). Anggaran kos projek ini ialah sebanyak RM280 juta. Projek ini baru sahaja memulakan pembinaan, iaitu pada 18 Mac 2014 yang lalu dan dijangka siap dalam tempoh 24 bulan kemudian.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6704**

**SOALAN:**

**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan jumlah pekerja asing professional dan  
bukan professional yang berdaftar secara sah dari tahun 2008-2013.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat dua (2) kategori warga asing yang bekerja di Malaysia iaitu pegawai dagang bagi jawatan profesional dan pekerja asing bagi jawatan kurang mahir atau tidak mahir. Pegawai dagang adalah merupakan warga asing yang bekerja secara profesional di Malaysia dan juga pelabur-pelabur asing yang menubuhkan syarikat-syarikat di Malaysia. Manakala pekerja asing adalah merupakan warga asing yang bekerja di lima (5) sektor yang dibenarkan iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian.

Jumlah pegawai dagang yang berdaftar secara sah bagi tahun 2008 sehingga 2013:

<b>TAHUN</b>	<b>PEGAWAI DAGANG (orang)</b>
<b>2008</b>	<b>36,794</b>
<b>2009</b>	<b>32,138</b>
<b>2010</b>	<b>32,583</b>
<b>2011</b>	<b>45,619</b>
<b>2012</b>	<b>61,113</b>
<b>2013</b>	<b>81,991</b>

**Manakala, jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif bagi tahun 2008 sehingga 2013:**

<b>TAHUN</b>	<b>Pekerja Asing Yang Memegang PLKS Yang Masih Sah Dan Aktif (orang)</b>
<b>2008</b>	<b>2,062,596</b>
<b>2009</b>	<b>1,918,146</b>
<b>2010</b>	<b>1,817,871</b>
<b>2011</b>	<b>1,573,061</b>
<b>2012</b>	<b>1,571,589</b>
<b>2013</b>	<b>2,250,322</b>

**Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Jumlah ini juga adalah termasuk jumlah PATI yang telah diputihkan dan dikeluarkan PLKS di bawah Program 6P dan Program Khas Pengurusan PATI (PKPP).**

NO. SOALAN:.....<sup>13</sup>

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB**  
**(MACHANG)**  
**TARIKH : 10 APRIL 2014**

**SOALAN:**

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub (Machang) minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- a) statistik sekolah pondok yang telah mendaftar dengan Kementerian dan telah mendapat bantuan daripada Kerajaan; dan
- b) apakah bentuk sokongan atau galakan yang dilakukan oleh Kementerian untuk memastikan sekolah-sekolah pondok ini mendaftar dengan Kementerian.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran dan pemantauan sekolah-sekolah pondok di negeri-negeri adalah tertakluk kepada Enakmen Kawalan Sekolah Agama sedia ada. Kerajaan juga telah

menubuhkan **Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia** yang berperanan untuk memberi pengiktirafan kepada institusi pengajian pondok dan warga pondok yang banyak menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan pendidikan Islam serta melahirkan ramai tokoh ilmuwan agama.

Berdasarkan laporan daripada Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI) di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendapati sehingga Disember 2013 sebanyak **99 buah sekolah pondok telah dikenal pasti berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri**. Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyalurkan bantuan khas awal persekolahan kepada semua pelajar sekolah pondok tersebut sebanyak RM100 seorang.

- b) Sekolah Pondok juga adalah termasuk dalam kategori Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan layak berdaftar sebagai **Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Kementerian Pendidikan Malaysia**, jika memenuhi syarat-syaratnya. Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia masih lagi memberi ruang kepada sekolah berkenaan untuk berdaftar sebagai SABK bagi menjamin sekolah tersebut mendapat bantuan secara khusus dari kerajaan. Di samping itu, Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI), JAKIM bersama Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa menerangkan kelebihan berdaftar sebagai SABK kepada pihak berkuasa agama negeri termasuk Majlis Agama Islam Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
(KOTA BHARU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10.04.2014**

**Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [ KOTA BHARU ]** minta

**MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa buah bank dan institusi kewangan yang telah melaksanakan arahan YAB Perdana Menteri supaya menangguhkan sementara pembayaran balik pinjaman oleh mangsa-mangsa banjir di bulan Disember 2013 yang lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Semua institusi kewangan, melalui Persatuan Bank-bank dalam Malaysia (Association of Banks in Malaysia, ABM), Persatuan Institusi Perbankan

Islam Malaysia (Association of Islamic Banking Institutions Malaysia, AIBIM) dan Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan Malaysia (Association of Development Finance Institutions Malaysia, ADFIM) telah mengambil langkah proaktif dalam membantu pelanggan yang terjejas akibat banjir, termasuk individu dan perniagaan.

2. Dalam aspek pembiayaan, institusi kewangan telah menyediakan bantuan bergantung kepada keperluan pelanggan yang terjejas. Ini termasuk penangguhan bayaran balik, penjadualan semula/ penstrukturan semula pembiayaan, penangguhan tindakan pemulihan dan pengecualian daripada caj perkhidmatan yang berkaitan. Selain itu, bantuan penggantian percuma kad ATM, buku cek dan buku akaun yang musnah ketika banjir turut ditawarkan.

3. Setakat akhir Disember 2013, sebanyak 12 buah bank yang terdiri daripada 8 buah bank perdagangan dan 4 buah institusi kewangan pembangunan telah melaksanakan arahan YAB Perdana Menteri dengan menyediakan bantuan kepada 2,833 pelanggan yang melibatkan jumlah bantuan sebanyak RM213.5 juta. Bank-bank lain turut memberikan

komitmen untuk menyediakan bantuan yang sama kepada pelanggan yang terjejas.

4. Seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam bajet 2012, perniagaan yang terjejas secara teruk akibat banjir juga boleh mendapat bantuan geran atau pinjaman sehingga RM100,000 di bawah Dana Kecemasan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Dalam tempoh dua bulan dari tarikh kawasan perniagaan diumumkan bebas dari bencana oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), PKS boleh memohon geran melalui SME Corp Malaysia dan pinjaman melalui Malaysian Industrial Development Finance (MIDF). Sejak dana ini dilancarkan, sebanyak 56 syarikat telah mendapat manfaat dengan pinjaman berjumlah lebih dari RM860,000.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff  
bin Haji Ahmad [ MERSING ]**

**TARIKH : 10.04.2014 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 15**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapa jumlah yang dibelanjakan dalam tahun 2013 di dalam usaha memberi bantuan di bawah Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Berapa ramaikah kumpulan sasar yang dibantu dan sejauh manakah kejayaan mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah diperuntukkan sebanyak RM25 juta bagi pelaksanaan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) pada tahun 2013. Sehingga tahun 2013, seramai **2,758 orang peserta** telah diberi bantuan mesin, peralatan, premis/bengkel dan kursus pra-pelaksanaan projek, bimbingan dan bahan-bahan mentah pada kadar maksimum RM10,000 untuk setiap peserta miskin tegar produktif bagi menjalankan projek-projek ekonomi di dalam bidang perusahaan asas tani, perniagaan kecil-kecilan, aktiviti perkhidmatan dan aktiviti pertanian/ penternakan.

Berdasarkan beberapa siri kajian '*outcome project*' yang dijalankan oleh Kementerian ini menunjukkan bahawa, pelaksanaan projek-projek PPP telah berjaya memberikan impak positif terhadap pendapatan bulanan golongan miskin dan miskin tegar. Secara purata **80% penerima bantuan** PPP ini telah berjaya meningkatkan pendapatan melepasi paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Tegar iaitu dengan purata pendapatan bulanan sebanyak RM627.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN HEE LOY SIAN**  
**KAWASAN : PETALING JAYA SELATAN**  
**TARIKH : 10 APRIL 2014, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan alasan pampasan RM400 juta atas penangguhan kenaikan kadar tol sehingga satu tahun dan langkah-langkah mengurangkan bilangan plaza tol di sekitar Bandaraya seperti janji Pilihan Raya Umum ke-13 yang lepas.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Perjanjian Koneksi, setiap lebuhraya layak mendapat kenaikan tol pada tahun-tahun tertentu. Kerajaan perlu membayar pampasan sekiranya kenaikan tersebut ditangguhkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Manifesto Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum 2013, hanya menyentuh mengenai pengurangan kadar tol secara berperingkat bagi lebuhraya antara bandar dan bukannya pengurangan bilangan plaza tol di sekitar Bandaraya. Bagi lebuhraya antara bandar iaitu Lebuhraya Utara Selatan dan Lebuhraya Pantai Timur, Kerajaan telah melaksanakan penstrukturan semula kadar tol pada tahun 2011 di mana pengguna lebuhraya menikmati kadar tol yang lebih rendah berbanding kadar asal.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 17

DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
(2014)

---

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD  
RAHMAN [ TANJONG MANIS ]  
**TARIKH :** 10 APRIL 2014.

**SOALAN :**

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **Perdana Menteri** menyatakan berapakah jumlah kutipan wang keseluruhan untuk pengeluaran kad perakuan nikah (sejak ia diperkenalkan) yang telah dilaksanakan oleh beberapa Jabatan Agama Islam Negeri seperti di Wilayah Persekutuan dan Selangor. Adakah pengeluaran kad perakuan nikah ini praktikal dan bolehkah maklumat pernikahan ini diselaraskan dalam Mykad.

**JAWAPAN:** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan perkahwinan umat Islam adalah di bawah bidangkuasa Jabatan Agama Islam Negeri termasuklah bagi urusan kad perakuan nikah. Dalam konteks Wilayah

Persekutuan, kad perakuan nikah diuruskan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Berdasarkan laporan dari JAWI, **jumlah kutipan wang keseluruhan pada tahun 2012 (mula 2 Julai 2012) sebanyak RM67,420 dan pada tahun 2013 berjumlah RM175,419.** Sememangnya Kad Perakuan Nikah ini **sangat praktikal** kerana saiz yang kecil ( sama saiz kad pengenalan- MyKad) dan mudah dibawa berbanding Sijil Perakuan Nikah sedia ada.

Mengenai penyelarasan maklumat pernikahan, pada masa ini usaha sedang dilaksanakan bagi memastikan pengurusan perkahwinan perceraian dan ruju' orang Islam di Malaysia berjalan dengan lancar. Dimana Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bersama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri sedang membangunkan **Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) secara online.** Perbincangan lanjut dengan agensi berkepentingan seperti Jabatan Pendaftaran Negara akan sentiasa diadakan bagi memastikan SPPIM boleh diselaraskan dalam sistem yang diguna pakai oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]

TARIKH : 10 APRIL 2014

SOALAN :

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia sedang membantu Kerajaan dan/atau NGO Indonesia meningkatkan paras air tanah (*water table*) di kawasan-kawasan hutan gambut yang mudah terbakar di Sumatra Selatan dan Kalimantan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain terdapatnya usaha-usaha berterusan oleh Kerajaan Indonesia dalam menangani masalah jerebu yang disebabkan oleh kebakaran hutan dan tanah gambut di negara tersebut, Kerajaan Malaysia sememangnya telah menjalinkan kerjasama bilateral dalam meningkatkan paras air di kawasan-kawasan hutan gambut yang mudah terbakar di Indonesia. Kawasan-kawasan gambut yang terlibat adalah di Wilayah Riau, Sumatera Tengah, Indonesia di mana kerjasama ini dilaksanakan melalui satu Perjanjian Persefahaman (MoU) yang dimeterai oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia pada 3 Jun 2008 untuk tempoh selama 5 tahun.

Pihak Kementerian amat mengalu-alukan cadangan YB Sungai Siput supaya kerjasama bilateral dapat diperluaskan ke kawasan-kawasan hutan gambut mudah terbakar di lain-lain kawasan di Indonesia seperti di Sumatera Selatan dan Kalimantan. Cadangan ini boleh dibawa ke perhatian Kerajaan Indonesia untuk dipertimbangkan dalam MoU baru yang akan diwujudkan kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG**  
**[ SIBUTI ]**  
**TARIKH : 10 APRIL 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [ SIBUTI ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- a) Bilakah pihak kementerian akan memulakan pembinaan Klinik Kesihatan baru untuk Bekenu dan bilakah mesin dialysis akan ditempatkan di Pusat Dialisis di Batu Niah; dan
- b) Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menambah doktor pakar di Hospital Miri yang kini hanya ada 3 doktor pakar dan 2 pakar bedah

### **Tuan Yang Di-Pertua,**

Klinik Kesihatan Bekenu sedia ada masih beroperasi dan perkhidmatan sedia ada sentiasa dinaiktaraf dari semasa ke semasa untuk kemudahan dan keselesaan pesakit. Buat masa ini, belum ada perancangan untuk membina bangunan klinik yang baru memandangkan klinik sedia ada masih boleh menampung keperluan sedia ada. Kementerian juga belum ada rancangan untuk mewujudkan pusat hemodialisis di Batu Niah dan penduduk sekitar Batu Niah boleh mendapatkan rawatan haemodialisis di Hospital Miri.

### **Tuan Yang Di Pertua,**

Pada masa ini, terdapat sepuluh (10) orang pesakit daripada Batu Niah yang menerima rawatan hemodialisis di Hospital Miri. Klinik Kesihatan Batu Niah yang sedia ada tidak mempunyai ruang yang sesuai untuk penubuhan perkhidmatan hemodialisis. Bagi penubuhan unit hemodialisis yang menepati piawaian, ruang yang mencukupi diperlukan dan selain daripada mesin hemodialisis, peralatan khas seperti *Reverse Osmosis* dan anggota yang terlatih juga perlu disediakan.

### **Tuan Yang Di Pertua,**

Secara keseluruhannya di Hospital Miri terdapat 32 orang pakar iaitu 4 Pakar Pediatrik, 5 Pakar Perubatan Dalaman, 4 Pakar Radiologi, 3 Pakar Pembedahan Am, 3 Pakar Anesthesia, 3 Pakar Ortopedik, 1 Pakar Perubatan Kecemasan, 2 Pakar Psikiatri, 2 Pakar Otorhinolaringologi, 2 Pakar Oftalmologi 3 Pakar Obestetrik dan Ginekologi sedang berkhidmat di Hospital Miri. Kes-kes biasa akan

dirawat di Hospital Miri, manakala kes-kes yang lebih rumit yang memerlukan kepakaran yang lebih tinggi akan dirujuk terus ke Hospital Umum Sarawak, Kuching.

Kerajaan memang akan terus memperkukuhkan dan memperkembangkan lagi perkhidmatan kepakaran di negeri Sarawak termasuklah Hospital Miri secara berfasa menerusi pelbagai strategi misalnya melalui :

- i. Pelantikan semula pakar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah bersara wajib secara kontrak;
- ii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sesional;
- iii. Menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air; dan
- iv. Pengambilan pakar warganegara asing secara kontrak.

Selain itu, KKM telah menambah slot tajaan bagi program sarjana perubatan di institusi pengajian tinggi awam dari 450 kepada 600 mulai sesi 2008/2009, 800 orang mulai sesi 2010/2011 dan kini slot tajaan tersebut ditingkatkan lagi kepada 1,000 slot bagi memberi peluang kepada lebih ramai Pegawai Perubatan mengikuti program sarjana. Sehubungan dengan itu, diharapkan lebih ramai pakar perubatan dapat dihasilkan demi meningkatkan lagi mutu dan prestasi perkhidmatan perubatan dalam negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB. TUAN R. SIVARASA

TARIKH: 10 APRIL 2014

SOALAN:

**Tuan R. Sivarasa [Subang]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada semua peraturan dan kaedah-kaedah beroperasi (atau SOP) untuk menyiasat dan menangani aduan-aduan di bawah Akta Umur Persaraan Minimum 2012 telah dilaksanakan sebab akta ini telah dikuatkuasakan sejak 1 Julai 2013.

PR-1321-L60515

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia, Peraturan-Peraturan Umur Persaraan Minimum (Siasatan) 2013 telah diwartakan dan mula berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014.

2. Kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah menyediakan Garis Panduan dan Proses Kerja Siasatan Aduan Persaraan Pramasa untuk dijadikan panduan

oleh pegawai untuk menjalankan siasatan sehingga keputusan dibuat. Garis panduan ini mula digunapakai mulai Mac 2014.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]**  
**TARIKH : 10.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dalam usaha mencapai kejayaan menyeluruh mengenai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) apakah usaha-usaha dibuat iaitu:-

- (a) sistem secara online pemarkahan PBS, EMIS, e-Tukar serta lain-lain memberi persepsi yang negatif pada Kementerian Pendidikan; dan
- (b) penempatan guru baru seperti tahun ini tanpa mengambil kira guru-guru telah berkahwin dan mempunyai anak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Aplikasi Sistem Pengurusan Maklumat Pendidikan (SMPP/EMIS) dan Sistem Pengurusan Pentaksiran Berdasarkan Sekolah (SPPBS) merupakan usaha penting Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mewujudkan satu sistem pengumpulan maklumat asas pendidikan. Maklumat asas pendidikan ini merupakan maklumat utama yang diguna pakai dalam usaha perancangan dan penggubalan dasar yang efektif demi mencapai matlamat murni sistem pendidikan negara. Dasar maklumat KPM ialah untuk menyediakan maklumat dan data terkini, sahih dan menepati masa bagi kegunaan penggubal dasar, perancangan

pendidikan dan pemantauan pelaksanaan program pendidikan. EMIS boleh ditakrifkan sebagai satu sistem yang terurus bagi memungut, memproses, menyimpan, mencapai dan menyebarkan data dan maklumat untuk menyokong aktiviti-aktiviti utama dalam kitaran urusan pendidikan di peringkat pengguna dan seterusnya bagi membuat keputusan di peringkat KPM. Data yang terdapat dalam EMIS mengandungi maklumat asas bagi semua sekolah rendah dan menengah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dan sekolah-sekolah di bawah bidang kuasa KPM.

Manakala bagi memastikan guru memberi fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran, guru tidak perlu lagi mengisi data penguasaan murid menerusi Sistem Pengurusan Pentaksiran Berdasarkan Sekolah (SPPBS) secara *online* seperti sebelum ini. Guru boleh merekodkan perkembangan pembelajaran murid secara *offline*. Bagi ibu bapa yang ingin mengetahui tahap pencapaian anak-anak mereka, pihak sekolah akan mengadakan ujian bulanan, peperiksaan pertengahan tahun atau peperiksaan akhir tahun sekolah yang dapat memberi gambaran kepada ibubapa tentang tahap pencapaian anak mereka. Guru kemudiannya akan menyediakan pelaporan perkembangan pembelajaran murid untuk memaklumkan kepada ibu bapa.

- (b) Penempatan guru baharu pada tahun ini yang tidak mengambil kira faktor status guru-guru berkahwin dan mempunyai anak. Kementerian melaksanakan penempatan guru baharu berdasarkan waran perjawatan dan wujudnya kekosongan perjawatan serta kekosongan opsyen di sesebuah negeri. Amat sukar untuk Kementerian menempatkan guru mengikut negeri pilihan dan mengikut negeri pasangannya bertugas kerana tiada kekosongan perjawatan dan kekosongan opsyen. Walau bagaimanapun, KPM berusaha menawarkan penempatan ke negeri-negeri yang berhampiran yang masih wujud kekosongan perjawatan dan kekosongan opsyen.

Kementerian juga sedar bahawa bekalan guru baharu lepasan Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI) pada tahun ini majoritiya adalah terdiri daripada mereka yang sudah pun berkahwin. Walau bagaimanapun, kepentingan perkhidmatan kepada anak bangsa haruslah diutamakan melebihi kepentingan peribadi. Paradigma ini hendaklah diterapkan dalam pemikiran guru-guru baharu serta mendapat sokongan penuh daripada segenap lapisan masyarakat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6618**

**SOALAN:**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah kes pembunuhan yang berlaku di dalam Kawasan Parlimen Bukit Gantang sejak Januari -Disember 2013.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam usaha untuk membentaras kes jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api dan tidak menafikan sejak kebelakangan ini, kejadian jenayah terutamanya kes melibatkan tembakan senjata api sering dilaporkan oleh akhbar dan media elektronik di seluruh negara saban hari. Pihak PDRM tidak mengambil sikap berdiam diri bagi mengekang jenayah ini daripada terus berlaku dan telah menubuhkan satu pasukan khas bagi menangani masalah ini.**

**Daripada risikan dan maklumat yang diperolehi, kejadian tembak sama ada untuk tujuan membunuh atau cuba untuk membunuh disebabkan pelbagai motif, antara motif yang dikenalpasti adalah seperti berikut:-**

- i. Aktiviti kongsi gelap/thug gang**
- ii. Aktiviti dadah**
- iii. Selisih faham keluarga**
- iv. Samun/rompak/curi**
- v. Hutang**
- vi. Selisih faham kerja**
- vii. Cuai**
- viii. Cemburu**
- ix. Belum pasti**

**Dari semakan pihak polis, statistik kes pembunuhan yang berlaku di Parlimen Bukit Gantang bagi tahun 2013 hanya terdapat satu (1) kes sahaja yang berlaku di Kuala Sepetang.**

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH  
[LENGGONG - BN ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. 23)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) pencapaian Kementerian setelah diwujudkan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan; dan
- (b) kebanyakan prestasi sukan negara kurang memberangsangkan, apakah faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku dan apakah usaha Kementerian mengatasi masalah ini.

**SULIT**

**JAWAPAN (a)**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 September 2004 telah bersetuju supaya ditubuhkan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan (JKPS) yang bertindak sebagai badan perunding dalam merancang dan menyelaraskan pembangunan sukan negara. Mesyuarat JKPS ini dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh beberapa Kementerian/Agensi yang terlibat dalam pembangunan sukan negara. Mesyuarat JKPS yang pertama telah diadakan pada 8 November 2004.
  
2. Sejak penubuhan JKPS ini, banyak pencapaian yang dapat dilihat dalam peningkatan prestasi sukan negara. Antara pencapaian di bawah JKPS adalah:-
  - i. Pelaksanaan Dasar 1Murid 1Sukan
  - ii. Program Pembangunan Bola Sepak Negara
  - iii. Program Pembangunan Sukan Prestasi Tinggi
  - iv. Program Pembangunan Sukan Paralimpik
  - v. Penubuhan Yayasan Kebajikan Atlet Malaysia (YAKEB)
  - vi. Pelaksanaan Liga Sukan Komuniti
  - vii. Pembinaan Kompleks Sukan Komuniti
  - viii. Pelan Pembangunan Kejurulatihan Kebangsaan
  - ix. Pelaksanaan Skim Biasiswa dan Insentif Sukan untuk atlet
  - x. Dasar Pembangunan Sukan IPT

## SULIT

3. JKPS akan sentiasa bertindak sebagai satu badan perunding, penyelaras dan penasihat dalam pembangunan sukan negara. Ia merupakan satu platform untuk membincangkan isu-isu semasa berkaitan dengan pembangunan sukan dan memperakukan usaha-usaha yang boleh diambil dalam meningkatkan prestasi sukan, menggalakkan kecergasan dan sukan rekreasi di kalangan masyarakat.

### JAWAPAN (b)

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi sukan sebenarnya tidaklah mengecewakan atau kurang memberangsangkan, sebaliknya sedang meningkat naik mengikut fasa latihan yang disasarkan dalam program latihan atlet.
2. Seramai 64 orang atlet elit dari 15 jenis sukan telah berjaya memenangi atau menjuarai sebanyak 72 kejohanan pelbagai peringkat antarabangsa bagi tahun 2013 sahaja berbanding 77 kejohanan yang dimenangi oleh 57 orang atlet dari 14 jenis sukan pada tahun 2012.
3. Kejayaan kontinjen negara mencapai lebih dari sasaran 40 pingat Emas di Temasya Sukan SEA Myanmar 2013 turut disumbang oleh kejayaan para atlet pelapis kebangsaan di mana seramai 64 orang atlet pelapis berjaya menghadihkan 9 pingat Emas, 4 Perak dan 12 Gangsa kepada pencapaian keseluruhan kontinjen negara iaitu 43 Emas, 38 Perak dan 77 Gangsa.
4. Antara kejayaan-kejayaan cemerlang yang dicapai pada tahun 2013 yang lalu :-

- 4.1 Pasukan Hoki (lelaki) Remaja Kebangsaan berjaya menduduki tempat ke-4 di Kejohanan Hoki Remaja Piala Dunia di Delhi, India.
  - 4.2 Pasukan Hoki (lelaki) Senior berjaya layak secara merit bertanding di Kejohanan Hoki Piala Dunia di The Hague, Belanda (Mei 2014).
  - 4.3 Bagi sukan skuasy, Low Wee Wern berjaya menduduki ranking ke-6 terbaik dunia selain Dato' Nicol David yang masih unggul di ranking pertama dunia.
  - 4.4 Kedudukan ranking dunia bagi pasukan bola sepak kebangsaan meningkat dari ranking ke-162 (September 2013) hingga ke-150 (Februari 2014).
  - 4.5 Pasangan bergu lelaki badminton, Hoon Tien How dan Tan Wee Kiong, berjaya menduduki ranking dunia ke-7 selepas menjuarai Kejohanan Terbuka Macau serta Naib Johan di Terbuka China pada November 2013.
  - 4.6 Pasukan Recurve Memanah Lelaki negara menjuarai Kejohanan Grand Prix Asia di Bangkok (Mac 2013).
5. Walau bagaimanapun, masih ada faktor-faktor kelemahan yang menyebabkan pencapaian prestasi sukan kurang memberangsangkan seperti jurang yang ketara antara atlet pelapis dan atlet elit, bilangan kepakaran jurulatih tempatan masih kurang dan kualiti pertandingan tempatan masih rendah, membantutkan kemampuan atlet untuk beraksi dengan cemerlang.
6. Antara usaha-usaha yang perlu dijalankan bagi mengatasi masalah ini :-

## SULIT

- i) Meningkatkan bilangan atlet pelapis yang berbakat untuk bersaing bersama atlet luar di kejohanan peringkat antarabangsa.
- ii) Memberi tumpuan khusus kepada jenis sukan yang mempunyai rekod pencapaian prestasi yang cemerlang.
- iii) Menganjurkan lebih banyak kejohanan peringkat antarabangsa yang berkualiti sehingga mampu menarik minat penyertaan dari atlet terbaik dunia .
- iv) Menyediakan kemudahan latihan sukan yang mengikut spesifikasi piawaian antarabangsa kepada atlet terbaik dunia untuk datang berlatih bersama atlet negara.
- v) Menyediakan pakej latihan termasuk peluang pendidikan yang menawarkan kerjaya tetap bagi menarik serta menjamin masa depan atlet negara.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6617**

**SOALAN:**

**Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah pihak Kerajaan Persekutuan akan menyiapkan Balai Polis Badang yang dicadangkan pembinaannya di Lot 1957, Mukim Kijang, Kota Bharu.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Cadangan Projek Balai Polis Badang yang dicadangkan pembinaannya di Lot 1957, Mukim Kijang, Kota Bharu dengan kos berjumlah RM30 juta telah dipohon untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* Empat (*4<sup>th</sup> Rolling Plan*) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Cadangan ini diharap mendapat persetujuan dan kelulusan agensi pusat supaya pelaksanaannya kelak dapat disegerakan.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]**  
**TARIKH : 10.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia melonggarkan syarat-syarat pengambilan GSTT kerana sekolah-sekolah rendah Cina menghadapi masalah mencari GSTT berkelayakan ijazah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mulai Tahun 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak lagi melaksanakan pelantikan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT). Kementerian hanya melantik graduan bidang pendidikan sebagai guru interim bagi tempoh tertentu sementara menunggu mereka ditemu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) dan dilantik secara tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), tertakluk kepada kekosongan jawatan mulai 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014.

Pelantikan Guru Interim Tambahan dilantik dengan memberi keutamaan kepada opsyen-opsyen kritikal di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) sahaja iaitu opsyen Matematik, Pendidikan Seni Visual, Muzik, Kajian Tempatan, Pendidikan Jasmani & Kesihatan, Kemahiran Hidup dan Dunia Sains & Teknologi.

Pemilihan Guru Interim Tambahan adalah dari kalangan calon-calon yang memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- a) Memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan atau Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf Kerajaan;
- b) Mempunyai kelulusan kredit Bahasa Melayu dan lulus Ujian Lisan Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM); dan
- c) Mempunyai kelulusan kredit Bahasa Mandarin peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN V.SIVAKUMAR

TARIKH: 10 APRIL 2014

SOALAN:

Tuan V.Sivakumar [ Batu Gajah ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah objektif sebenar Program Skills Malaysia. Sejauh manakah penerimaan masyarakat terhadap program ini menerusi kempen promosi Skills Malaysia kepada semua lapisan masyarakat untuk mengetahui tentang keperluan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

PR-1321-L60560

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, SkillsMalaysia merupakan penjenamaan baru yang menjadi simbol transformasi latihan kemahiran. *Tag line* "Mengarusperdana Latihan Kemahiran" yang digunakan dalam penjenamaan SkillsMalaysia mempunyai makna yang sangat besar kepada masa depan negara. Ia bukan sahaja satu langkah yang digunakan dalam Kempen SkillsMalaysia dalam meningkatkan kualiti latihan di negara ini, tetapi juga bakal mengubah persepsi negatif terhadap pendidikan berteraskan

kemahiran. Kempen SkillsMalaysia ini dilaksanakan secara intensif dengan memberi penekanan terhadap manfaat memasuki pasaran pekerjaan dengan kelayakan kemahiran termasuklah gaji yang menarik serta peluang pekerjaan dan laluan kerjaya yang lebih menjaminkan. Sehubungan ini, para pelajar, ibubapa dan masyarakat amnya akan dan dididik terhadap kepentingan kemahiran serta peluang laluan kerjaya yang berpotensi tinggi.

2. Penerimaan semua lapisan masyarakat terhadap keperluan tenaga kerja berkemahiran tinggi diukur melalui peningkatan permohonan pelatih untuk mengikuti latihan dalam bidang kemahiran. Untuk makluman, sehingga Januari 2014 sejumlah 1.2 juta sijil kemahiran yang merangkumi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM Tahap 4) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM Tahap 5) telah dikeluarkan kepada pelatih yang berjaya menamatkan latihan di Pusat Bertauliah (JPK) di seluruh Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN**  
**KAWASAN : TANJONG MALIM**  
**TARIKH : 10.4.2014 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN : 27**

**Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah Dasar Automotif Nasional 2014 akan mendatangkan kebaikan kepada rakyat di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 yang dilancarkan pada 20 Januari 2014 akan terus membantu Kerajaan dalam usaha untuk mewujudkan industri automotif tempatan yang lebih kompetitif dan berdaya saing, di samping membangunkan Malaysia sebagai hab automotif serantau bagi segmen kenderaan bertenaga efisien (EEV) menjelang tahun 2020.

Dalam hal ini, NAP 2014 telah menggariskan langkah-langkah untuk membangunkan industri automotif negara supaya selari dengan perubahan teknologi dan perkembangan terkini industri automotif serantau dan global. Selain itu, ia juga mengambil pendekatan menyeluruh dalam meningkatkan

kecekapan industri automotif tempatan sekaligus mengurangkan kos pengeluaran melalui usaha-usaha melengkapkan ekosistem rangkaian bekalan.

Langkah-langkah baharu ini dijangka dapat meningkatkan aktiviti nilai tambah tinggi tempatan dan mewujudkan 150,000 lagi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan menjelang tahun 2020. Selain itu, sumbangan industri automotif tempatan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang berjumlah 3.2 peratus pada tahun 2012 juga diunjurkan untuk meningkat kepada 10 peratus pada tahun 2020.

Usaha-usaha ini akan dapat membantu Kerajaan merealisasikan hasrat untuk menawarkan kenderaan yang lebih selamat, mesra alam sekitar dan berteknologi tinggi pada harga yang rendah kepada rakyat Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM  
[ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI  
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:**

- (a) tentang peruntukan yang akan disalurkan kepada Negeri Melaka untuk "Tahun Melawat Malaysia"; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan akan diberi kepada Kampung Portugis, Kampung Morten, Kampung Cettier dan Jonker Walk di Melaka yang telah terbukti sebagai tapak tarikan utama pelancong-pelancong asing.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah memperuntukkan peruntukan sebanyak RM400,000 bagi setiap negeri termasuk Negeri Melaka bagi menjalankan acara-acara khas yang telah dikenalpasti sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 di peringkat negeri. Acara-acara yang telah dikenalpasti akan mencakupi **empat konsep utama** iaitu Citrarasa, Citrawarna, Festival Seni dan Festival Muzium. Kempat-empat program acara ini akan menonjolkan keunikan budaya dan seni negara dalam bentuk festival yang mempamerkan budaya satu Malaysia, kepelbagaian makanan, seni dan sejarah Malaysia.

Di samping itu, acara-acara dengan tema diatas akan diadakan di setiap negeri dengan memberi fokus kepada sektor kebudayaan dan kesenian yang merupakan salah satu daya tarikan utama dalam industri pelancongan dalam usaha untuk mewujudkan lagi suasana perayaan sepanjang tahun di seluruh negara.

- (b) Dibawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah diperuntukkan sebanyak RM1.0 juta untuk Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Kg. Morten.

Dalam RMK-9 pula, peruntukan pembangunan yang diperuntukan adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Pembangunan</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
1.	Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan di Perkampungan Portugis	RM3.0 juta
2.	Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan di Kampung Cettier	RM500,000
3.	Peningkatan Kemudahan Pelancongan di kampung Morten	RM4.67 juta
4.	Pemasangan LED Rope Light di kawasan perkampungan Kampung Morten	RM250,000

Sekian, terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR ]  
**TARIKH** : 10 APRIL 2014 (KHAMIS)  
**SOALAN** : Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [ Padang Besar ] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada terdapat program promosi untuk menggalakkan aktiviti pertanian di sekeliling rumah atau tanah terbiar dan perniagaan berasaskan pertanian sebagai usaha meningkatkan pendapatan keluarga kepada mereka yang mempunyai "access" kepada tanah berpotensi untuk diusahakan bagi tanaman sayuran dan kontan sebelum tanah tersebut digunakan untuk tujuan tertentu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Antara program promosi yang telah dan akan terus dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian untuk menggalakkan aktiviti pertanian di sekeliling rumah adalah:

- i) Program Jom Bertani kepada komuniti yang akan bermula pada bulan April 2014;
- ii) program pertanian bumbung di kawasan bumbung institusi;
- iii) Program Kebun Komuniti, Laman Komuniti, Laman Dapur (LAMDA) landskap *edible* di kawasan apartment/ kondominium/ taman-taman bandar.
- iv) program pameran di kawasan bandar.

Bagi tanah terbiar, Jabatan Pertanian sentiasa mengadakan promosi bagi menggalakkan tanah tersebut dibangunkan dengan aktiviti pertanian. Maklumat

tanah terbiar hakmilik individu yang terdapat dalam rekod Jabatan telah dimuat naik ke laman web Jabatan Pertanian bagi memudahkan maklumat tersebut diakses oleh usahawan tani yang berminat. Pada tahun 2014, Jabatan Pertanian telah merancang untuk mengadakan 14 *roadshow* berkenaan tanah terbiar di peringkat kebangsaan dan di peringkat negeri bagi menguar-uarkan tanah terbiar kepada semua pengusaha berpotensi untuk dibangunkan dengan aktiviti pertanian.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Dato' Fauzi bin Abdul Rahman**  
**[ Indera Mahkota ]**  
**TARIKH** : **10.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) Adakah pernah dikumpulkan ulama-ulama mutabar dalam dan luar negara yang mampu membantu menggubal satu sistem pendidikan negara agar anak-anak Islam didedahkan dengan ilmu yang mantap, meluas dari sudut ilmu akidah Ahlul Sunnah Waljamaah yang bersih lagi suci; dan
- (b) Apakah usaha Kementerian untuk memasukkan unsur-unsur memahami Al-Quran dan Sunnah dalam didikan formal bagi anak-anak Islam.

**JAWAPAN**

(a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara berterusan menjalankan usaha bagi tujuan membuat penambahbaikan pendidikan agama Islam di negara ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pelbagai program telah dibuat iaitu sama ada dalam aspek penambahbaikan pentadbiran dan pengurusan, bantuan persekolahan, kebajikan guru-guru dan bantuan pembangunan dan perolehan termasuk

kurikulum agama. Di antara usaha penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh KPM seperti berikut:

- a) Kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam sentiasa dibuat penambahbaikan seperti mana mata pelajaran yang lain. Terkini, mata pelajaran ini sedang ditambah baik melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dengan memasukkan elemen-elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Konsep Wasatiah dan sebagainya. Pembinaan kurikulum pendidikan Islam, bahan sokongan kurikulum, bahan pengajaran dan pembelajaran digubal dengan merujuk kepada sumber rujukan yang sahih dan kitab-kitab muktabar karangan ulama aliran Ahli Sunnah wal Jamaah. Bagi menyelaraskan kefahaman dan amalan murid, segala bahan sokongan dan proses pembelajaran dan pengajaran dibina dan dilaksanakan berdasarkan fahaman ahli Sunnah Wal Jamaah dan pendapat yang muktabar daripada mazhab Al-Syafie serta keputusan-keputusan yang diterima pakai daripada pihak berkuasa dalam urusan agama Islam di Malaysia.
  
- b) Selain itu, KPM juga telah melakukan penambahbaikan program memperkasa sekolah agama melalui pengiktirafan Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBDKBT) sebagai Kurikulum Kebangsaan bermula tahun 2015 secara berperingkat-peringkat. Komponen utama KBDKBT ialah bidang usuluddin, syariah dan bahasa Arab. Penggubalan kurikulum ini juga merujuk kepada sumber rujukan yang sahih dan kitab-kitab muktabar karangan ulama aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah serta kitab-kitab karangan ulamak-ulamak al-Azhar yang dikenali sebagai ulamak yang berpegang kepada prinsip dan pendekatan wasatiah.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN – BN ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. 31)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan cadangan pembinaan pusat-pusat riadah dan sebuah mini kompleks sukan di Daerah Kinabatangan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini KBS tiada perancangan untuk membina sebuah mini kompleks sukan di Daerah Kinabatangan disebabkan kos bagi pembinaan sesebuah mini kompleks sukan memerlukan kos yang besar. Walau bagaimanapun pihak Kementerian akan memohon semula cadangan pembinaan tersebut dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).
2. Setakat ini, pihak Kementerian telah membina sebanyak 9 buah gelanggang di Parlimen Kinabatangan iaitu di:-

Kinabatangan	Kuamut	3	Kg Sinar Jaya 1	RMK-9
			Pekan Kota Kinabatangan	
			Kg. Entilibun	
	Sukau	3	Kg. Sukau	
			Kg. Rancangan Suan Lamba	
			Pekan Tongod	
Kuamut	2	Kg. Nosa Jaya	RMK-10	
		Kg. Entilibon		
Sukau	1	Kg. Bilit		

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD  
(LANGKAWI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10.04.2014**

**Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [ LANGKAWI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah benar tentang rungutan masyarakat iaitu terdapat kes penipuan penerima BR1M di mana orang kaya dan berkereta mewah juga menerima bantuan BR1M ini. Jika benar, bagaimanakah caranya penapisan dibuat oleh Kerajaan agar mereka yang benar-benar layak sahaja menerimanya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meneruskan sekali lagi Program Bantuan Rakyat 1Malaysia

(BR1M 2014) pada tahun 2014 sebagai usaha untuk membantu meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah serta selaras dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar. Pada BR1M 2014, beberapa kriteria telah ditambah baik merangkumi peningkatan nilai bantuan, pertambahan kategori dan juga pengenalan Insurans Takaful Berkelompok Rakyat Malaysia (i-BR1M). Kriteria bagi program BR1M 2014 telah ditambah baik adalah seperti berikut:

1) bagi kategori isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah, nilai bantuan ditingkatkan daripada **RM500 kepada RM650**.

2) sebagai tambahan, kategori bantuan juga **diperluaskan** kepada isi rumah berpendapatan bulanan di antara **RM3,001 hingga RM4,000 dengan nilai bantuan RM450**.

3) memperkenalkan **caruman i-BR1M** bernilai RM50 **kepada** penerima **isi rumah** BR1M dengan nilai **perlindungan maksimum sehingga RM30,000** sekiranya berlaku **kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh**.

i) Tempoh perlindungan i-BR1M adalah bermula dari 1 Januari

2014 hingga 31 Disember 2014; dan

ii) Perlindungan takaful diberi kepada penerima isi rumah sahaja;

4) **warga emas sebatang kara** (berumur 60 tahun dan ke atas) menerima kenaikan jumlah BR1M iaitu daripada **RM500 kepada RM650** bagi yang berpendapatan dibawah RM3,000 dan turut menerima bantuan BR1M RM450 bagi yang berpendapatan antara RM3,001 hingga RM4,000.

5) bagi kategori **bujang** berumur 21 tahun dan ke atas berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah, bantuan ditingkatkan daripada **RM250 kepada RM300**.

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat tiga peringkat pelaksanaan BR1M iaitu peringkat pertama, pengedaran borang BR1M dan pendaftaran, peringkat kedua, proses semakan dan verifikasi serta peringkat ketiga, pengagihan BR1M. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M telah bermula pada 23 Disember 2013 hingga 31 Januari 2014. Penerima BR1M sedia ada tidak perlu membuat pendaftaran baru tetapi hanya perlu mengemaskini

maklumat peribadi sekiranya terdapat sebarang perubahan. Pendaftaran dan pengemaskinian boleh dibuat secara atas talian melalui laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta boleh dibuat secara manual iaitu dengan mengisi borang di pejabat LHDN, pejabat daerah dan pejabat pembangunan negeri. Semua rakyat Malaysia layak untuk memohon bantuan BR1M walaupun mereka juga adalah penerima bantuan sedia ada seperti penerima bantuan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), e-Kasih dan juga masyarakat Orang Asli yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Proses semakan dan verifikasi permohonan dilakukan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bermula 1 Februari 2014. Proses verifikasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, LHDNM, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Kesemua proses verifikasi ini dilakukan bagi memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan BR1M 2014.

Pengagihan bantuan BR1M 2014 terbahagi kepada dua kaedah iaitu

penyaluran terus ke akaun bank bagi yang mengemukakan maklumat bank manakala bagi yang tidak mengemukakan maklumat akaun bank, pengagihan dibuat secara serahan baucar di majlis penyampaian BR1M. Bagi yang mengemukakan maklumat bank, penyaluran terus ke akaun bank telah dibuat mulai 21 Februari 2014 dan selesai pada 25 Februari 2014. Pengagihan secara baucar pula bermula pada 23 Februari dan dibuat secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2012, penerima BR1M 2012 adalah seramai 4.2 juta orang dengan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion, manakala penerima BR1M 2.0 adalah seramai 6.8 juta orang dengan peruntukan sebanyak RM3 bilion. Bagi tahun 2014, BR1M 2014 dijangka akan memanfaatkan hampir 7.9 juta penerima dengan anggaran peruntukan sebanyak RM4.5 bilion. Sehingga 3 Mac 2014, sebanyak 8.1 juta permohonan telah diterima di mana sebanyak 6 juta permohonan telah diluluskan melibatkan peruntukan sebanyak RM3 bilion manakala baki 2.1 juta permohonan masih sedang diproses. Daripada jumlah yang diluluskan, seramai 3.8 juta

adalah penerima isi rumah manakala baki 2.2 juta adalah penerima individu bujang.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM5.4 bilion untuk keseluruhan bantuan tunai merangkumi BR1M, Bantuan Persekolahan dan Baucar Buku 1Malaysia bagi tahun 2014. Manakala hasil daripada pengurangan subsidi bahan api sebanyak RM0.20 pada bulan Sept 2013 dan pengurangan subsidi gula sebanyak RM0.34 pada bulan Oktober 2013, Kerajaan dapat penjimatan sebanyak RM4.9 bilion pada tahun 2014. Kerajaan berupaya menyalurkan bantuan tunai melebihi anggaran penjimatan subsidi bahan api dan gula hasil daripada pengurusan kewangan yang baik dan dapat memastikan defisit fiskal terus berkurang.

Untuk makluman juga, pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah dan mengimbangi kenaikan harga barangan. Bantuan ini telah dapat meringankan beban rakyat dalam membantu mereka membeli barangan

keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain. Disamping itu, terdapat penerima yang menggunakan bantuan tersebut sebagai modal bagi menjalankan perniagaan kecil-kecilan bagi pembelian perkakasan seperti peralatan memasak, membuat kuih dan pertukangan yang secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Tuan Yang Dipertua,

Bantuan BR1M yang diberikan adalah secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Malah, mereka yang telah menerima bantuan kebajikan sedia ada juga di beri bantuan BR1M. Kejayaan program BR1M adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN WILSON UGAK KUMBONG  
[ HULU RAJANG ]  
TARIKH : 10 APRIL 2014  
SOALAN :**

**YB Tuan Wilson Ugak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat perancangan oleh pihak kementerian untuk mendirikan sebuah klinik di kawasan Long Busang dan menyediakan mesin dialisis di klinik Belaga dan Sungai Asap kerana lokasi yang terpencil dan menyukarkan penduduk untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan dialisis dan kesihatan keseluruhan.

**Tuan Yang Di-Pertua**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha meningkatkan fasiliti dan kemudahan kesihatan di seluruh negara bagi memastikan segenap rakyat menikmati kemudahan dan rawatan kesihatan yang terbaik termasuklah di negeri Sabah dan Sarawak. Cadangan pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 6 di Long Busang telah dipohon di dalam RMK10 pada tahun 2012, 2013 dan 2015. Pembinaan tersebut masih dalam pertimbangan pihak Unit Perancangan Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Manakala bagi penyediaan mesin dialisis di Klinik Belaga dan Sungai Asap, pada masa ini, belum ada keperluan mendesak untuk menyediakan mesin berkenaan di kedua-dua klinik berkenaan memandangkan perkhidmatan berkenaan telah disediakan di Klinik Kesihatan Debak dan Klinik Kesihatan Song.

### **Tuan Yang Di Pertua**

Pihak kami prihatin kepada kesukaran yang dihadapi oleh penduduk dalam kawasan pendalam untuk mendapat akses kepada rawatan hemodialisis. Pada masa ini, terdapat seorang pesakit daripada Belaga yang menerima rawatan di Hospital Kapit dan empat orang (4) pesakit daripada Sungai Asap yang menerima rawatan hemodialisis di Hospital Bintulu. Penubuhan perkhidmatan hemodialisis di klinik kesihatan perlu mengambilkira bilangan pesakit yang terlibat, kesesuaian klinik tersebut serta anggota yang terlatih.

Pada tahun ini, perkhidmatan hemodialisis juga akan dimulakan di Klinik Kesihatan Song Sarawak. Kementerian Kesihatan sedang memperluaskan kaedah rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD)* di kalangan pesakit kegagalan ginjal peringkat akhir dan menggalakkan kaedah rawatan ini. Ia adalah berbeza daripada rawatan hemodialisis kerana rawatan CAPD dilakukan di rumah oleh pesakit sendiri. Kaedah ini akan dapat mengurangkan keperluan kemudahan hemodialisis untuk pesakit baru kegagalan ginjal peringkat akhir yang memerlukan rawatan dialisis.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK CHUA TEE YONG [ LABIS ]**

**TARIKH : 10 APRIL (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Datuk Chua Tee Yong [ Labis ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah indeks harga pengguna terbaru di Malaysia berbanding jiran-jirannya di rantau ini serta adakah ia berkembang ke arah yang baik untuk negara dan rakyat.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Indeks Harga Pengguna (IHP) yang mencerminkan kadar inflasi bagi tahun 2013 telah meningkat pada kadar 2.1 peratus setahun, berbanding 1.6 peratus pada tahun 2012. Peningkatan ini adalah sebagaimana dijangka, kesan daripada langkah rasionalisasi subsidi petrol dan diesel sebanyak 20 sen pada September 2013. Kadar kenaikan IHP Malaysia adalah masih rendah jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Indonesia, 6.4 peratus; Vietnam, 6.0 peratus; Filipina, 2.9 peratus; Singapura, 2.4 peratus; dan Thailand 2.2 peratus. Bagi bulan Januari 2014, kadar inflasi Malaysia meningkat 3.4 peratus setahun berbanding 1.3 peratus pada bulan yang sama tahun 2013.

Peningkatan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan iaitu inflasi tidak dapat dielakkan bagi sesebuah negara yang ekonominya sedang berkembang termasuklah Malaysia. Walaupun terdapat peningkatan dari tahun ke tahun, namun peningkatan yang dicatatkan adalah pada tahap yang terkawal. Dalam jangka masa pendek, Kerajaan sedar bahawa kenaikan harga bahan api dan tarif elektrik akibat rasionalisasi subsidi kepada paras harga dalam ekonomi akan memberi impak kenaikan dalam harga, terutama bagi komponen makanan dan pengangkutan. Walau bagaimanapun, dalam jangka masa panjang, rasionalisasi subsidi ini dijangka akan memberi kesan lebih positif ke atas pertumbuhan ekonomi, terutamanya melalui peningkatan kecekapan

dalam penggunaan sumber, pengurangan dalam ketirisan dan pembaziran serta menambahbaik kedudukan fiskal negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan inflasi dipantau oleh Bank Negara Malaysia menerusi dasar monetari untuk memastikan kedudukan inflasi adalah terkawal.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 35

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
(2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
[ NIBONG TEBAL ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pungutan zakat bagi tahun 2013 mengikut negeri dan nyatakan bagaimana pungutan tersebut dimanfaatkan demi kesejahteraan masyarakat Islam di Malaysia.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal Agama Islam termasuklah urusan zakat terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu, persoalan mengenai jumlah hasil kutipan zakat setiap tahun dan pelaksanaan agihan zakat di negeri-negeri perlu dirujuk kepada pihak berkuasa agama negeri masing-masing.

Dalam konteks ini, di Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) merupakan agensi yang menguruskan dana zakat, di mana kutipan dan agihan zakat menjadi antara aktiviti utamanya. Kutipan zakat harta di Wilayah Persekutuan dilaksanakan oleh Pusat Pungutan Zakat MAIWP (PPZ-MAIWP) manakala agihan zakat dilaksanakan oleh Bahagian Baitulmal MAIWP.

**Mengenai agihannya, hasil kutipsn zakat tersebut diagihkan kepada lapan golongan asnaf sepertimana yang ditetapkan oleh syara’.** Pengagihan zakat di Wilayah Persekutuan secara umumnya dilaksanakan dalam dua bentuk iaitu secara langsung dan secara tidak langsung. Melalui agihan secara langsung, golongan asnaf akan menerima bantuan-bantuan menerusi skim-skim bantuan yang merangkumi aspek keperluan asasi, pendidikan, keusahawanan, kebajikan dan dakwah. Sehingga kini, terdapat 28 skim bantuan yang disediakan oleh MAIWP, iaitu:

1. Bantuan Kewangan Bulanan
2. Bantuan Deposit Sewa Rumah dan Sewa Rumah Bulanan
3. Bantuan Membina / Membaiki Rumah / Deposit Rumah
4. Bantuan Perubatan
5. Bantuan Menyelesaikan Hutang (Al-Gharimin)
6. Bantuan Perniagaan
7. Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi
8. Bantuan Deposit Van/ Bas Sekolah
9. Bantuan Pertanian
10. Bantuan Am Persekolahan
11. Bantuan Am Pelajaran IPT

12. Bantuan Peralatan dan Kecemasan Persekolahan
13. Bantuan Biasiswa / Insentif Khas Pelajar Cemerlang Dalam dan Luar Negara
14. Bantuan Persediaan IPT
15. Bantuan Tuisyen
16. Bantuan Pelajar Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI (PICOMS)
17. Bantuan Pelajar IPB
18. Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran
19. Bantuan Musibah
20. Bantuan Kepada Agensi-Agensi Kebajikan (NGO) & Institusi Pendidikan
21. Bantuan Perkahwinan
22. Bantuan Deposit Membeli Motosikal OKU
23. Bantuan Guaman Syarie
24. Bantuan Ibnu Sabil
25. Bantuan Ramadhan
26. Bantuan Kecemasan
27. Bantuan Takaful Asnaf
28. Bantuan Ar-Riqab

**Agihan secara tidak langsung** pula dilaksanakan MAIWP melalui penubuhan dan pembangunan infrastruktur dan prasarana yang boleh dimanfaatkan untuk jangka masa panjang. Antaranya dalam bidang pendidikan, MAIWP telah membangunkan Institut Kemahiran Baitulmal, Institut Profesional Baitulmal, Sekolah Menengah Agama MAIWP, Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz SMISTA) dan Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI.

Dalam aspek perlindungan dan kebajikan, wang zakat telah digunakan untuk membangunkan beberapa kompleks seperti Darul Kifayah untuk anak-anak yatim termasuk anak-anak asnaf fakir & miskin dan Dar Assaadah untuk wanita yang terjebak dalam gejala sosial.

Menyedari akan keperluan memberikan perlindungan dan bimbingan kepada golongan muallaf, MAIWP kini sedang membangunkan kompleks Darul Hidayah yang akan dapat memberikan bimbingan secara intensif kepada golongan ini. MAIWP juga turut memanfaatkan wang zakat yang diterima dengan menubuhkan Pusat Bersalin Berisiko Rendah 1 Malaysia MAIWP- Hospital Putrajaya, Pusat Pembedahan Katarak MAIWP-Hospital Selayang dan Kedai Rakyat MAIWP. Penubuhan kemudahan-kemudahan ini telah mendatangkan manfaat dan memberi kemudahan yang besar kepada rakyat khususnya umat Islam.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]**

**TARIKH** : **10 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN** : **36**

**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rating penonton TV1 dan TV2 bagi tempoh 10 tahun lalu dan sejauh manakah pelaksanaan siaran digital di TV1 dan TV2 telah dicapai setakat ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kajian pihak perunding yang dilantik, Media Analytics, bagi tempoh Mac hingga April 2014, TV1 dan TV2 secara purata menguasai 40% daripada jumlah keseluruhan penonton. Rating penonton TV1 dan TV2 bagi tempoh 10 tahun lalu berdasarkan laporan syarikat perunding AC Nielsen adalah seperti berikut:

**Peratusan Syer Penonton TV1 dan TV2 (2004 – Februari 2014):**

Tahun	Saluran	
	TV1 (%)	TV2 (%)
2004	11.1%	24.9%
2005	14.3%	20.9%
2006	13.1%	18.3%

2007	11.1%	12.9%
2008	10.7%	14.4%
2009	7%	15.8%
2010	9.1%	16.1%
2011	8.4%	13.6%
2012	8.9%	12.9%
2013	9%	11.6%
<b>Jan - Feb' 2014</b>	9.4%	10.1%

Berkenaan pelaksanaan Program Siaran Digital untuk TV1 dan TV2 masih belum bermula kerana ia bergantung kepada pelaksanaan program pendigitalan sepenuhnya di peringkat nasional yang dijangka akan bermula pada tahun 2017.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [ TUMPAT ]**  
**TARIKH : 10.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Kamarudin bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) Sejauh manakah keberkesanan aspek pemantauan dan pengawalan pelajar antarabangsa di negara ini; dan
- (b) Berapakah bilangan pelajar antarabangsa yang gagal menamatkan pengajian dan telah dihantar pulang ke negara asal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi memastikan pelajar antarabangsa yang benar-benar tulen (genuine) dan layak sahaja melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan, mereka akan disaring sebelum dan selepas memasuki negara ini. Justeru itu, warganegara asing yang memasuki negara menggunakan Pas Lawatan Sosial (Visa-on-Arrival), tidak lagi akan dipertimbangkan untuk mendapat Pas Pelajar.

Pemantauan terhadap pelajar antarabangsa sememangnya diberi perhatian serius dan komitmen tersebut didokong bersama oleh agensi Kerajaan yang lain, iaitu Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Secara amnya, permohonan kemasukan pelajar antarabangsa ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) akan di saring melalui tiga (3) peringkat iaitu saringan ke atas pelajar antarabangsa, saringan oleh IPT yang dipilih dan saringan oleh JIM. Manakala, *Education Malaysia Global Services* (EMGS) sebagai pusat sehenti (One Stop Centre) akan

memproses dan membuat saringan kesahihan dokumen permohonan pelajar antarabangsa ke IPTS sebelum diperaku kepada JIM untuk pengeluaran pas pelajar.

Di peringkat IPT masing-masing turut diwujudkan Pusat Pelajar Antarabangsa/ Unit Hal Ehwal Pelajar Antarabangsa untuk memantau dan menjaga kebajikan pelajar. KPM juga telah mewujudkan Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat untuk pemantauan pengurusan pelajar antarabangsa di IPTS dan mensyaratkan semua IPTS yang diberi kelulusan untuk mengambil pelajar antarabangsa oleh KDN diwajibkan mengemukakan laporan pengurusan pelajar antarabangsa setiap suku tahun kepada KPM. Pengambilan pelajar antarabangsa di IPTS juga perlu mengikut dan mematuhi Garis Panduan Pengurusan Pelajar Antarabangsa yang dikeluarkan oleh KDN.

Segala usaha yang dilaksanakan adalah untuk memastikan pelajar antarabangsa benar-benar mengikuti pengajian di Malaysia dan tidak terlibat dalam perkara yang boleh menjejaskan imej Malaysia sebagai hab pengajian tinggi serantau. Usaha ini juga bagi mengelakkan Malaysia dijadikan *dumping ground* bagi pelajar antarabangsa yang tidak berkelayakan atau bermasalah.

- (b) Sehingga kini, dilaporkan terdapat seramai 4,377 pelajar antarabangsa di IPT yang gagal menamatkan pengajian disebabkan masalah seperti prestasi akademik, kehadiran, kesihatan dan kekangan kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekod pelajar dihantar pulang ke negara asal adalah di bawah bidang kuasa JIM. Walau bagaimanapun, pihak IPT perlu mengambil tindakan menamatkan pas pelajar bagi mereka yang telah/tidak menamatkan pengajian kepada JIM bagi mengelakkan penyalahgunaan pas pelajar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 10 APRIL 2014 ( KHAMIS )  
DARIPADA : Y.B. TUAN GOOI HSIAO-LEUNG  
[ ALOR SETAR ]

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ ALOR SETAR ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah bantuan (kewangan atau di sebaliknya) yang diberikan kepada pasukan-pasukan Bomba Sukarela di dalam negara yang berdaftar dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

## JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasukan Bomba Sukarela merupakan pasukan bukan sepenuh masa yang amat sesuai bagi memberi perlindungan kebakaran untuk kawasan-kawasan pinggir bandar, pekan-pekan kecil serta kawasan terpencil. Ini kerana bagi kawasan berkenaan, bilangan panggilan kecemasan dan tahap risikonya adalah rendah, oleh itu untuk membina balai bomba yang dianggotai sepenuhnya oleh pasukan sepenuh masa (*part time*) adalah tidak ekonomik.

Sehingga 28 Februari 2014, bilangan Pasukan Bomba Sukarela yang ditubuhkan dan aktif adalah sebanyak **337 pasukan** dengan keahlian seramai **13,429 orang**.

Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif bagi membantu aktiviti Pasukan Bomba Sukarela. Antaranya ialah:-

- (a) Ahli Pasukan Bomba Sukarela dilindungi di bawah skim insurans kelompok. Antara faedah yang diperolehi ialah bagi kematian biasa,

waris akan dibayar sebanyak RM22,000 manakala bagi kecederaan atau kematian disebabkan kemalangan akan dibayar sehingga RM44,000;

- (b) Pasukan yang aktif akan diberi bantuan geran pengurusan sebanyak RM3,000 setahun;
- (c) Ahli Pasukan Bomba Sukarela diberi latihan secara percuma di balai-balai bomba; dan
- (d) Pasukan Bomba Sukarela juga dibekalkan peralatan-peralatan asas seperti pam angkut, hos dan pakaian perlindungan diri dan juga kenderaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2014

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh  
[ Sabak Bernam ]**

**TARIKH : 10.4.2014**

**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan buku teks digital dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah bagi menggantikan buku teks bercetak secara berperingkat seperti dirancang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 serta nyatakan cadangan sejauh manakah proses transformasi pendidikan melalui Projek 1BestariNet ini dapat dikembangkan ke seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buku teks digital merupakan salah satu daripada inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memenuhi keperluan murid digital natif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) masa kini. Ini menyokong anjakan ketujuh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.

KPM telah menukar format buku teks digital untuk disesuaikan ke platform *Virtual Learning Environment* (VLE) dan telah dimuat naik ke VLE untuk diakses oleh murid dan guru di sekolah menggunakan jaringan rangkaian 1Bestarinet

internet jalur lebar berkelajuan tinggi di sekolah. Buku teks digital dimuat ke dalam peranti dan boleh dikemas kini secara atas talian. Buat masa sekarang, buku teks ini telah dimuat naik dalam bentuk PDF (e-Pub1) dan paparan multimedia secara interaktif boleh didapati melalui e-bahan yang disediakan. Walau bagaimanapun, buku teks ini akan dimuat naik oleh penerbit dalam bentuk interaktif pada masa akan datang (e-Pub3). Sehingga 31 Mac 2014, sebanyak 58 penerbit buku teks bersetuju memberi kebenaran kepada KPM untuk memuat naik buku teks terbitan mereka ke VLE. Hal ini melibatkan 430 judul buku yang masih diguna pakai di sekolah-sekolah. Muat naik ke VLE akan dibuat secara berperingkat-peringkat dengan kerjasama KPM dan Syarikat YTL Communications.

Bagi memenuhi keperluan ini, KPM juga telah membuat pemasangan capaian 1BestariNet untuk semua sekolah di kawasan bandar dan luar bandar. Pelaksanaan ini akan memberi akses yang sama rata kepada semua sekolah apabila mendapat akses kepada platform persekitaran pembelajaran maya (VLE) yang sama.

Justeru itu, murid tanpa mengira lokasi sama ada di kawasan bandar ataupun luar bandar akan memperoleh akses kepada laman bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) digital yang melibatkan PdP interaktif secara maya serta berpeluang untuk menjalankan kolaborasi serta perkongsian menerusi Platform Pembelajaran VLE 1BestariNet berasaskan perkomputeran awan (*cloud computing*). Ini akan mengurangkan jurang pencapaian serta jurang digital antara murid bandar dan luar bandar. Pengukuran yang diguna pakai adalah menggunakan aplikasi Virtual Learning Environment (VLE) dan pemantauan akses ke VLE dibuat secara atas talian.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [ Pengerang ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam sejarah Malaysia, berapa ramai peguam yang pernah dilantik menjadi Pendakwa Raya dan bila kali terakhir seorang peguam dilantik sebagai Pendakwa Raya, sepertimana Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dilantik dalam kes Yang Berhormat Permatang Pauh.

**JAWAPAN : YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Mendiang David Marshall pernah diberikan kebenaran untuk mewakili pihak pendakwaan seperti dilaporkan dalam kes *Hamsa Kunju v Regina [1963] 1 MLJ 228*.

2. Selain itu, YBhg. Dato' Dr. Cyrus Das juga pernah dilantik mewakili Pendakwa Raya seperti yang dilaporkan di dalam kes *Public Prosecutor v Ottavio Quatrocchi [2003] 1 MLJ 225* dalam suatu kes permohonan ekstradisi oleh Kerajaan India terhadap defendan. Walaubagaimanapun, beliau telah disingkirkan (*disqualified*) apabila Mahkamah Tinggi mendapati pelantikan beliau tidak memenuhi syarat yang diperuntukkan di bawah seksyen 41 Akta Ekstradisi 1992 [Akta 479].

3. Sebelum lantikan YBhg. Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, kali terakhir seorang peguam dilantik untuk bertindak bagi pihak Pendakwa Raya adalah pada tahun 2010 dimana peguam Encik Tan Hock Chuan telah dilantik bagi tujuan inkues kematian mendiang Teoh Beng Hock.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG  
[ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kos yang telah dibelanjakan dalam siasatan dan pendakwaan terhadap Tun Dr. Ling Liong Sik dan Tan Sri Chan Kong Choy masing-masing berhubung Projek Zon Bebas Pelabuhan Klang.**

**JAWAPAN : YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan yang di-Pertua,

1. Jumlah kos yang telah dibelanjakan bagi pendakwaan terhadap Tun Dr. Ling Liong Sik adalah sebanyak RM5,883.00.
2. Secara amnya, jumlah kos tersebut merujuk kepada jumlah kos tuntutan perjalanan dan elaun harian yang dikemukakan oleh Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya sewaktu mengendalikan kes Tun Dr. Ling Liong Sik di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.
3. Selain itu, tiada sebarang kos pendakwaan yang dibelanjakan terhadap Tan Sri Chan Kong Choy kerana pertuduhan terhadap beliau telah ditarik balik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
(PENDANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10.04.2014**

**Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [ PENDANG ]** minta **MENTERI**

**KEWANGAN** menyatakan:-

(a) apakah rasionalnya Bank Negara Malaysia membenarkan bank-bank mengenakan cas sebanyak 50 sen untuk setiap keping cek yang diproses; dan

(b) adakah kerajaan bercadang untuk membatalkan peraturan ini. Kalau tidak mengapa.

**JAWAPAN**

Pengenaan caj sebanyak 50 sen adalah satu strategi jangka panjang dan insentif kepada orang ramai bagi menggunakan kaedah pembayaran

secara elektronik (e-pembayaran) yang lebih murah, pantas, berkesan kos serta selamat berbanding kaedah pembayaran berasaskan kertas seperti cek. Orang ramai kini mempunyai pilihan yang lebih murah iaitu kaedah e-pembayaran seperti Sistem Giro Antara Bank (Interbank GIRO atau IBG) di mana fi IBG telah dikurangkan daripada RM2 kepada 10 sen mulai 2 Mei 2013. Menerusi penurunan fi ini, orang ramai telah menikmati penjimatan kos sebanyak RM67 juta antara bulan Mei hingga Disember 2013 dan jumlah penjimatan kos ini dijangka akan mencecah RM96 juta menjelang akhir bulan Mac 2014. Untuk makluman Yang Berhormat, institusi perbankan perlu menanggung kos sebanyak RM3 untuk memproses setiap keping cek. Dianggarkan kos memproses cek adalah sebanyak RM591 juta setahun berdasarkan 197 juta cek yang diproses pada tahun 2013.

2. Sejak strategi penentuan harga ini dilaksanakan pada bulan Mei 2013, jumlah urus niaga IBG telah mencatatkan peningkatan yang menggalakkan di mana kadar purata pertumbuhan bulanan meningkat sebanyak tiga kali ganda kepada 6% di antara bulan Mei hingga Disember 2013, berbanding hanya 2% dalam tempoh 8 bulan sebelumnya. Selain itu, penggunaan cek telah menurun pada kadar yang lebih tinggi sebanyak

3.3% pada tahun 2013 berbanding 0.5% pada tahun 2012.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan peraturan memproses cek sebanyak 50 sen oleh kerana ianya hanya akan berkuat kuasa mulai 2 Januari 2015 ini.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
SOALAN LISAN

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz  
[ Raub ]

**TARIKH** : 10 APRIL 2014

**SOALAN** :

**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ]** minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-

- (a) berapa luaskah hutan simpan telah digazetkan sebagai hutan simpan kekal di Malaysia mengikut pecahan negeri; dan
- (b) berapa luaskah kawasan yang digazet itu telah diubah syarat untuk dieksploitasi.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan hutan yang telah digezetkan sebagai Kawasan Hutan Sumpun Kekal mengikut Negeri pada Tahun 2012 adalah seperti berikut

Bil.	Negeri	Kawasan Hutan Simpanan Kekal
		Luas (hektar)
1.	Johor	351,301
2.	Kedah	307,046
3.	Kelantan	623,849
4.	Melaka	5,094
5.	Negeri Sembilan	154,578
6.	Pahang	1,562,902
7.	Perak	983,015
8.	Perlis	10,615
9.	Pulau Pinang	5,139
10.	Selangor	250,129
11.	Terengganu	538,972
12.	WP Kuala Lumpur	68
<b>Jumlah Semenanjung</b>		<b>4,792,708</b>
13.	Sabah	3,609,250
14.	Sarawak	4,337,164
<b>Jumlah Sabah dan Sarawak</b>		<b>7,946,414</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>12,739,122</b>

Mengikut rekod, seluas **200,911 hektar** kawasan HSK bagi negeri-negeri di Malaysia telah diwartakan keluar dalam tempoh 6 tahun dari tahun 2008 hingga 2013 untuk tujuan pembangunan tanah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN SEAH LEONG PENG  
[ TELOK INTAN ]  
TARIKH : 10.04.2014 (KHAMIS)

TUAN SEAH LEONG PENG [ TELOK INTAN ] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN menyatakan:

- (a) sejauh manakah Kementerian telah berjaya menepati sekurang-kurangnya 30 peratus produk PKS Bumiputera di senarai tetap di dalam pasar raya besar asing yang beroperasi di Malaysia melalui inisiatif program promosi produk PKS di dalam dan luar negeri; dan
- (b) apakah kekangan yang dihadapi pengusaha produk PKS Bumiputera untuk bersaing memasarkan produk mereka di pasar raya asing.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

- a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Sektor Perdagangan Pengeedaran di Malaysia (pindaan) 2010 telah mensyaratkan 30% *Stock Keeping Unit* (SKU) produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera perlu disenarai tetap di dalam pasar raya asing di Malaysia. Sehingga 2013, sejumlah 22,035 bersamaan 11.52% SKU produk PKS Bumiputera telah berjaya disenarai tetap di dalam pasar raya asing di Malaysia.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

- b) KPDNKK memberi perhatian serius terhadap pencapaian 30 peratus SKU PKS Bumiputera disenarai tetap di dalam pasar raya asing. Antara kekangan yang telah dikenalpasti dihadapi PKS Bumiputera untuk bersaing memasarkan produk mereka di pasar raya asing adalah seperti berikut:
- i. Standard piawaian yang tinggi ditetapkan oleh pasar raya asing;
  - ii. Kurang pendedahan berhubung pemasaran produk di pasar raya;
  - iii. Tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk menjalankan promosi "*in store*" dan "*sampling*" bagi produk yang telah disenarai tetap di pasar raya asing;
  - iv. Kurang memahami terma kredit pemasaran produk ke pasar raya besar;

- v. Kurang kesedaran untuk membangunkan produk dari segi pembungkusan, daya tahan dan kualiti produk; dan
- vi. Hasil produk yang dihasilkan adalah bagi pasaran yang telah tepu.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa merancang dan merangka pelbagai program bagi meningkatkan peratusan SKU Bumiputera di senarai tetap di dalam pasar raya asing di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Tuan Chong Chieng Jen  
[ Bandar Kuching ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 45**

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apa sebabnya penurunan kedudukan Malaysia dalam 2014 World Press Freedom Index. Apakah langkah Kerajaan untuk menambahbaik keadaan tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

*World Press Freedom Index* oleh *Reporters Without Borders* (RWB), telah menarafkan Malaysia pada kedudukan 147 daripada 180 negara pada tahun 2014 berbanding 145 daripada 179 negara pada tahun 2013. Walau bagaimanapun kedudukan ini tidak melambangkan situasi sebenar kebebasan media di Malaysia.

Kajian penarafan ini hanya merangkumi perspektif pelbagai kebebasan media, persekitaran media, *self-censorship*, perundangan, ketelusan dan infrastruktur media. Turut diambil kira adalah soal pelanggaran hak

wartawan, *netizen*, jurugambar, dan jurukamera. Kriteria-kriteria yang diambil kira memandang dari sudut kebebasan media “mutlak” sedangkan dalam amalan demokrasi, sesebuah negara masih memerlukan kepada pemantauan. Kebebasan itu juga perlu disertakan dengan tanggungjawab. Undang-undang media dan interpretasinya bagi setiap negara adalah berbeza begitu juga di Malaysia. Di Malaysia, organisasi media mengamalkan *social responsibility system*, iaitu mereka mempunyai tanggungjawab memainkan peranan dalam membangunkan kesejahteraan rakyat.

Namun sejak kebelakangan ini, kebebasan media agak tersekat, bukan kerana kongkongan Kerajaan sebaliknya ancaman saman demi saman oleh sesetengah pemimpin pembangkang yang seolah-oleh mahu menutup mulut organisasi media daripada membuat laporan yang tidak memihak kepada mereka.

Selain itu, kewujudan pelbagai media konvensional dan media baharu seperti blog, portal berita, youtube, facebook tanpa sekatan membuktikan Malaysia bersikap terbuka dalam penyaluran maklumat selagi tidak menggugat dan mengancam keharmonian dan keselamatan Negara. Kesimpulannya, *World Press Freedom Index* oleh RWB ini bukanlah kayu pengukur yang boleh melambangkan keadaan sebenar kebebasan media di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]  
TARIKH : 10 APRIL 2014  
SOALAN :**

**YB Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-**

- (a) adakah masalah kekurangan kerusi pergigian (dental chairs) mengakibatkan kebanyakan doktor gigi terutamanya doktor golongan muda menghabiskan masa mereka secara tidak terancang dan tidak bermanfaat; dan
- (b) berapa nisbah antara doktor gigi dan masyarakat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kenyataan bahawa kekurangan kerusi pergigian mengakibatkan kebanyakan doktor gigi terutamanya doktor golongan muda menghabiskan masa mereka secara tidak terancang adalah tidak tepat. Selain daripada merawat pesakit di klinik yang mempunyai kerusi pergigian, Pegawai Pergigian juga memberi perkhidmatan pergigian di luar klinik menggunakan peralatan mudahalih di komuniti seperti di

sekolah, institusi/rumah warga emas, pusat dalam komuniti dan perkampungan orang Asli. Mereka juga terlibat dalam aktiviti promosi dan pencegahan kesihatan pergigian. Jadual giliran diselia ketat oleh Pegawai Pergigian Daerah dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian).

Pegawai Pergigian Tahun Pertama juga ditempatkan di klinik pergigian pelbagai kepakaran, di mana mereka dibimbing dalam urusan kes pergigian yang lebih rumit.

Untuk menampung bilangan graduan doktor gigi yang kian meningkat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menambah bilangan klinik pergigian *standalone* dari 35 buah pada tahun 2010 ke 50 buah pada tahun 2013. Perkhidmatan pergigian di kawasan luar bandar juga diperluaskan secara berjadual dengan menggunakan 559 buah pasukan pergigian bergerak (7% pertambahan dari tahun 2010) dan 27 buah Klinik Pergigian Bergerak. Selain daripada itu, pada tahun 2012 hingga tahun 2013, 35% klinik pergigian yang dilawati secara berkala telah dinaiktaraf dan ditempatkan jawatan dengan pengisian Pegawai Pergigian tetap. Di samping itu, perkhidmatan pergigian dilaksanakan di 6 buah Pusat Transformasi Bandar (*UTC*) dengan waktu operasi *extended hours* sehingga 10 malam dan di 4 Pusat Transformasi Luar Bandar (*RTC*) dengan menggunakan peralatan mudahalih.

Kementerian Kesihatan juga sedang berusaha menambah bilangan kerusi pergigian dalam projek pembinaan klinik kesihatan yang baru untuk menampung keperluan perkhidmatan yang kian meningkat.

Nisbah doktor gigi dan populasi telah bertambahbaik dari 1:6,436 pada tahun 2012 ke 1:5,721 pada tahun 2013. Dijangka pada 2014, nisbah ini akan mencecah 1:4,837.

Kementerian Kesihatan telah mengambil tindakan proaktif untuk menampung penambahan bilangan graduan doktor pergigian dalam Negara dan juga peningkatan keperluan perkhidmatan pergigian.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM  
[ KUALA SELANGOR – BN ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. 47)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah NKRA Jenayah yang menggariskan inisiatif kesukarelawan yang menggalakkan “engagement” Kerajaan dengan belia dapat mencegah golongan belia dari terjebak dalam kancah jenayah; dan
- (b) apakah usaha-usaha baharu pihak kementerian untuk menangani masalah jenayah yang melibatkan golongan belia.

SULIT

**JAWAPAN (a)**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah bekerjasama dengan pelbagai agensi bagi melaksanakan pelbagai aktiviti dan program kesukarelaan kepada golongan belia melalui pendekatan National Blue Ocean Strategy (NBOS). Program-program berbentuk kesukarelaan di bawah inisiatif NKRA Pengurangan Jenayah seperti Skuad Muda RELA dan *Crime Awareness Team (CAT)* telah membantu usaha kerajaan mencegah dan mengurangkan kadar jenayah jalanan sekaligus membantu pembangunan belia supaya tidak terlibat di dalam aktiviti jenayah, disamping membangunkan sikap untuk menyumbangkan khidmat bakti melalui aktiviti kesukarelaan. Belia berumur 15 hingga 25 tahun disediakan dengan latihan kemahiran kepimpinan dan digalakkan untuk mempelajari isu-isu kepolisan dan keselamatan masyarakat di daerah mereka. Para belia yang terlibat turut diberi peluang untuk mendaftar sebagai ahli RELA atau Sukarelawan Polis dan secara tidak langsung membantu mewujudkan satu persekitaran yang lebih selamat dan seterusnya mencegah golongan belia daripada terjebak dengan kegiatan jenayah. Sejak inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA diperkenalkan pada tahun 2009, kerajaan telah mencapai kejayaan di dalam inisiatif NKRA mengurangkan jenayah, di mana peratusan jenayah indeks telah menurun setiap tahun.

**JAWAPAN (b)**

1. Antara inisiatif baharu yang akan dilaksanakan oleh KBS bagi menangani masalah jenayah yang melibatkan golongan belia:

i. Program Inklusiviti Sosial:

Sebuah program intervensi yang bertujuan untuk membina belia yang pernah terlibat dengan aktiviti jenayah supaya lebih produktif. Program ini bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk melaksanakan aktiviti disamping mengasah dan membangunkan potensi positif di dalam diri. Program perintis akan dilaksanakan selama 9 bulan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor melibatkan seramai 100 orang peserta. Para peserta yang terlibat akan dikenalpasti bakat, potensi dan minat mereka dan seterusnya diberikan peluang mengembangkannya melalui program, kursus dan peluang pekerjaan yang bersesuaian.

ii. Program Pencegahan Jenayah Rakan Muda:

Dilaksanakan di 46 kawasan "*blackspot*" yang telah dikenalpasti oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Program ini akan melibatkan Ahli *Crime Awareness Team* (CAT) melalui aktiviti seperti "*Outreach To Hotspot*" dan Kempen Keselamatan dan Pencegahan Jenayah melibatkan agensi dan NGO berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia(PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Yayasan Pencegahan Jenayah (MCPF).

iii. Program PERKASA Remaja-PERMATA:

Program kerjasama antara KBS dan PERMATA ini merupakan Program intervensi sosial kepada remaja yang telah terlibat dan berisiko untuk terlibat dengan gejala sosial seperti lumba haram dan jenayah ringan. Para remaja yang terlibat dengan program ini akan mengikuti modul program berbentuk kem dan pemerksaan dalam komuniti yang dibangunkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia. Program ini akan dilaksanakan di fasiliti KBS seperti Akademi Pembangunan Belia Malaysia dan Kompleks Rakan Muda. Para peserta seterusnya berpeluang untuk mengikuti kursus yang sesuai dengan minat dan kebolehan mereka di Institut Kemahiran Belia Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY**  
**[ KAPAR ]**  
**TARIKH : 10.04.2014 (KHAMIS)**

**TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [ KAPAR ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan rasional menguatkuasakan undang-undang terhadap pemborong dan peniaga yang menaikkan harga, tetapi pada hakikatnya langkah-langkah yang diambil Kerajaan dengan mengurangkan atau memansuhkan subsidi merupakan faktor utama peningkatan kos dan harga barang keperluan asas, di mana peniaga juga merupakan mangsa yang terpaksa meningkatkan harga.

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh YB Kapar pada 10 April kerana ianya menyentuh isu dan perkara yang sama iaitu faktor kenaikan harga barangan.

Bagi mengekalkan kestabilan dan kekukuhan kedudukan kewangan negara, Kerajaan perlu melaksanakan rasionalisasi subsidi dan subsidi bersasar untuk memastikan hanya golongan yang layak sahaja menerima manfaatnya. Namun demikian, terdapat faktor-faktor lain yang menyumbang kepada kenaikan harga barangan.

**Tuan Yang Dipertua,**

Sistem ekonomi Malaysia adalah sistem ekonomi terbuka di mana pengaruh pasaran memainkan peranan penting dalam penentuan harga. Di antara punca-punca yang menyebabkan berlakunya kenaikan harga barang adalah disebabkan oleh faktor cuaca, manipulasi harga, keadaan bekalan, kelemahan *supply-chain*, ketidak cekapan, kos operasi dan kebergantungan kepada barangan yang diimport. Faktor cuaca seperti musim tengkujuh dan kemarau misalnya telah mempengaruhi keadaan jumlah pengeluaran terutamanya barangan basah seperti ikan dan sayur-sayuran yang menyebabkan penawaran bekalan kurang daripada permintaan yang mendorong peniaga untuk menaikkan harga.

Selain daripada itu, lazimnya harga barangan akan dinaikkan dalam tempoh perayaan disebabkan peniaga ingin mengaut keuntungan

berlebihan akibat daripada peningkatan permintaan semasa musim tersebut. Dalam membantu dan melindungi pengguna terutamanya dalam menangani kos sara hidup yang semakin meningkat, Kementerian ini telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Skim Kawalan Harga Musim Perayaan serta mempergiatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan.

**Tuan Yang DiPertua,**

Bagi menjawab soalan berkaitan fungsi Kedai Rakyat 1Malaysia atau KR1M yang dibangkitkan oleh YB Jelevu, KR1M berkonsepkan kedai serbaneka yang menyediakan **pelbagai barangan keperluan isi rumah berjenama 1 Malaysia Kedai Rakyat (1MKR) dan harga yang ditawarkan adalah sehingga 50% lebih rendah berbanding dengan jenama terkenal** dan kualiti tetap diutamakan. Pelaksanaan program ini telah dapat memberi pilihan kepada rakyat untuk mendapatkan barangan keperluan harian pada harga yang kompetitif dan berkualiti. Sehingga 27 Februari 2014, sebanyak 126 buah KR1M telah beroperasi di sebanyak 112 kawasan Parlimen sama ada di kawasan bandar atau luar bandar di seluruh negara. Purata jualan sebuah outlet KR1M adalah sebanyak RM147,000 sebulan atau RM4,900 sehari.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN[ KENINGAU ]**

**TARIKH : 10APRIL 2013 (KHAMIS)**

**SOALAN : 49**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah hasil perbincangan mengenai dengan masalah '*cost of living*' dan akibat daripada penggunaan '*Cabotage Policy*' yang jatuh ke dalam jawatankuasa yang dipengerusikan oleh YAB TPM sendiri.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telahpun menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Logistik Dan Kos Sara Hidup Di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk mengkaji isu-isu yang menyumbang kepada kos harga barangan yang tinggi di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Dasar Kabotaj merupakan salah satu aspek yang turut diteliti oleh Jawatankuasa Kabinet berkenaan di samping faktor-faktor logistik di daratan dan juga keberkesanan prasarana dan sistem pengedaran barang.

Dalam hubungan ini, Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU) telah menjalankan sesi Makmal Kos Sara Hidup di Sabah dan Sarawak masing-masing bagi mengenal pasti faktor-faktor kenaikan harga barang di Sabah, Sarawak dan Labuan. Makmal berkenaan mendapati bahawa Dasar Kabotaj bukan merupakan faktor yang menyumbang kepada kos harga barangan yang tinggi di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**SOALAN NO: 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI**  
**[ BAGAN SERAI ]**  
**TARIKH : 10 APRIL 2014**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memberi fokus kepada masalah kesihatan warga emas yang berumur 70 tahun ke atas berikutan jangka hayat yang meningkat apabila negara mencapai status negara maju dan adakah Kementerian akan mewujudkan unit-unit geriatrik di hospital-hospital dan menambah bilangan pakar-pakar geriatrik di negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dalam memberi fokus kepada masalah kesihatan warga emas yang berumur 70 tahun ke atas, berikutan jangka hayat yang meningkat apabila negara mencapai status negara maju, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas, dengan dipacu oleh Dasar Kesihatan Warga Emas. Dasar yang telah digariskan

adalah untuk memastikan penuaan yang sihat, aktif dan produktif dengan memperkasakan warga emas, keluarga dan komuniti dengan pengetahuan, kemahiran dan persekitaran yang sewajarnya; serta penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang optima di semua peringkat dan oleh pelbagai sektor. Antara perkhidmatan yang dijalankan adalah promosi, pendidikan, saringan, penilaian dan pemeriksaan kesihatan, kaunseling, perawatan, rujukan, lawatan ke rumah, perawatan di rumah dan perkhidmatan rehabilitasi, sosial dan rekreasi.

Antara Januari hingga Jun 2013, jumlah kehadiran warga emas ke klinik kesihatan adalah lebih dari 1.4 juta orang berbanding dengan hampir 1.3 juta untuk tempoh yang sama pada tahun 2012. Jumlah mereka yang telah menjalani saringan adalah 193,173 (7.9% daripada anggaran jumlah penduduk warga emas) pada tahun 2013 berbanding 144,476 (6.2%) pada tahun 2012. Bagi mempertingkatkan liputan serta saringan, lawatan ke pusat-pusat jagaan serta ke rumah telah dijalankan seperti dalam Program *NBOS7: 1Malaysia Family Care*.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sebagai memenuhi aspirasi halatuju perkhidmatan kesihatan untuk rakyat Malaysia, Kementerian ini akan melaksanakan perkhidmatan domisiliari yang juga meliputi golongan warga emas. Perkhidmatan ini disusun semula bagi merangkumi perkhidmatan sedia ada seperti lawatan ke rumah warga emas, perawatan di rumah (*homecare nursing*) serta lawatan dan rawatan warga emas di rumah dalam program *NBOS7: 1Malaysia Family Care*.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Buat masa ini, perkhidmatan geriatrik yang diberikan di hospital KKM disediakan secara bersepadu oleh pakar dalam pelbagai disiplin dan tidak semestinya oleh pakar geriatrik sahaja. Sebagai contoh, pakar perubatan dalaman merawat pesakit angin ahmar, dan pakar psikiatri merawat pesakit dementia seperti *Alzheimer's disease*. Begitu juga pakar-pakar bagi disiplin lain seperti pakar ortopedik, pakar mata, pakar sakit puan dan sebagainya. Pakar-pakar daripada pelbagai disiplin memang telah terlatih secara intensif dan bekerja secara berkumpulan agar dapat memberikan perkhidmatan yang menyeluruh dalam merawat warga emas termasuklah memberikan perkhidmatan geriatrik.

Semua hospital berpakar KKM di seluruh Negara mempunyai kemudahan merawat pesakit warga emas. Selain itu, bagi pesakit yang memerlukan rawatan khusus bidang geriatrik, pesakit akan dirujuk di hospital rujukan mengikut zon, contohnya Hospital Taiping bagi zon utara dan Hospital Kuala Lumpur bagi Zon Tengah dan sebagainya. Di samping perkhidmatan yang disediakan di klinik dan hospital KKM, perkhidmatan geriatrik ini turut diberikan oleh hospital universiti, pihak swasta dan badan bukan Kerajaan.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kerajaan prihatin dan sentiasa berusaha serta mengambil langkah untuk menambahkan bilangan doktor pakar yang menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada warga emas termasuklah perkhidmatan geriatrik di Negara ini.

Pada masa ini, penempatan Pakar Geriatrik Residen adalah di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Selayang, Hospital Taiping, Hospital Umum Sarawak Kuching dan Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu. Pakar Perubatan Geriatrik dari Hospital Kuala Lumpur turut menyampaikan perkhidmatan ini ke Hospital Tuanku Ja'afar Seremban dan Banting secara lawatan berkala. Lawatan berkala turut diberi oleh Pakar Perubatan Geriatrik, Hospital Taiping ke Hospital Sungai Siput dan Pakar Perubatan Geriatrik Hospital Umum Sarawak ke Hospital Sibul.

Kemudahan Wad Geriatrik di Hospital KKM terdapat di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Tuanku Ja'afar Seremban, Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu, Hospital Umum Sarawak, Hospital Selayang, Hospital Banting, Hospital Taiping, Hospital Sungai Siput dan Hospital Sibul

Perkembangan perkhidmatan sub-kepakaran Geriatrik akan dilaksanakan secara berfasa di hospital-hospital utama KKM. Bilangan pakar geriatrik akan ditambah dengan meningkatkan lagi bilangan pelatih subkepakaran dalam bidang geriatrik.

Pada pertengahan tahun 2014, perkhidmatan perubatan geriatrik akan diwujudkan di Hospital Sungai Buloh dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH  
(KUBANG KERIAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10.04.2014**

**Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH [ KUBANG KERIAN ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Kerajaan telah membelanjakan ribuan juta Ringgit Malaysia (RM) untuk pelaksanaan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Daripada BR1M pertama hingga BR1M 2014, berapa peratus kadar kemiskinan yang telah berjaya dikurangkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meneruskan sekali lagi Program Bantuan Rakyat 1Malaysia

(BR1M 2014) pada tahun 2014 sebagai usaha untuk membantu meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah serta selaras dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar. Pada BR1M 2014, beberapa kriteria telah ditambah baik merangkumi peningkatan nilai bantuan, pertambahan kategori dan juga pengenalan Insurans Takaful Berkelompok Rakyat Malaysia (i-BR1M). Kriteria bagi program BR1M 2014 telah ditambah baik adalah seperti berikut:

1) bagi kategori isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah, nilai bantuan ditingkatkan daripada **RM500 kepada RM650**.

2) sebagai tambahan, kategori bantuan juga **diperluaskan** kepada isi rumah berpendapatan bulanan di antara **RM3,001 hingga RM4,000 dengan nilai bantuan RM450**.

3) memperkenalkan **caruman i-BR1M** bernilai RM50 kepada penerima **isi rumah** BR1M dengan nilai **perlindungan maksimum sehingga RM30,000** sekiranya berlaku **kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh**.

i) Tempoh perlindungan i-BR1M adalah bermula dari 1 Januari

2014 hingga 31 Disember 2014; dan

ii) Perlindungan takaful diberi kepada penerima isi rumah sahaja;

4) **warga emas sebatang kara** (berumur 60 tahun dan ke atas) menerima kenaikan jumlah BR1M iaitu daripada **RM500 kepada RM650** bagi yang berpendapatan dibawah RM3,000 dan turut menerima bantuan BR1M RM450 bagi yang berpendapatan antara RM3,001 hingga RM4,000.

5) bagi kategori **bujang** berumur 21 tahun dan ke atas berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah, bantuan ditingkatkan daripada **RM250 kepada RM300**.

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat tiga peringkat pelaksanaan BR1M iaitu peringkat pertama, pengedaran borang BR1M dan pendaftaran, peringkat kedua, proses semakan dan verifikasi serta peringkat ketiga, pengagihan BR1M. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M telah bermula pada 23 Disember 2013 hingga 31 Januari 2014. Penerima BR1M sedia ada tidak perlu membuat pendaftaran baru tetapi hanya perlu mengemaskini

maklumat peribadi sekiranya terdapat sebarang perubahan. Pendaftaran dan pengemaskinian boleh dibuat secara atas talian melalui laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta boleh dibuat secara manual iaitu dengan mengisi borang di pejabat LHDN, pejabat daerah dan pejabat pembangunan negeri. Semua rakyat Malaysia layak untuk memohon bantuan BR1M walaupun mereka juga adalah penerima bantuan sedia ada seperti penerima bantuan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), e-Kasih dan juga masyarakat Orang Asli yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Proses semakan dan verifikasi permohonan dilakukan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bermula 1 Februari 2014. Proses verifikasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, LHDNM, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Kesemua proses verifikasi ini dilakukan bagi memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan BR1M 2014.

Pengagihan bantuan BR1M 2014 terbahagi kepada dua kaedah iaitu

penyaluran terus ke akaun bank bagi yang mengemukakan maklumat bank manakala bagi yang tidak mengemukakan maklumat akaun bank, pengagihan dibuat secara serahan baucar di majlis penyampaian BR1M. Bagi yang mengemukakan maklumat bank, penyaluran terus ke akaun bank telah dibuat mulai 21 Februari 2014 dan selesai pada 25 Februari 2014. Pengagihan secara baucar pula bermula pada 23 Februari dan dibuat secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2012, penerima BR1M 2012 adalah seramai 4.2 juta orang dengan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion, manakala penerima BR1M 2.0 adalah seramai 6.8 juta orang dengan peruntukan sebanyak RM3 bilion. Bagi tahun 2014, BR1M 2014 dijangka akan memanfaatkan hampir 7.9 juta penerima dengan anggaran peruntukan sebanyak RM4.5 bilion. Sehingga 3 Mac 2014, sebanyak 8.1 juta permohonan telah diterima di mana sebanyak 6 juta permohonan telah diluluskan melibatkan peruntukan sebanyak RM3 bilion manakala baki 2.1 juta permohonan masih sedang diproses. Daripada jumlah yang diluluskan, seramai 3.8 juta

adalah penerima isi rumah manakala baki 2.2 juta adalah penerima individu bujang.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM5.4 bilion untuk keseluruhan bantuan tunai merangkumi BR1M, Bantuan Persekolahan dan Baucar Buku 1Malaysia bagi tahun 2014. Manakala hasil daripada pengurangan subsidi bahan api sebanyak RM0.20 pada bulan Sept 2013 dan pengurangan subsidi gula sebanyak RM0.34 pada bulan Oktober 2013, Kerajaan dapat penjimatan sebanyak RM4.9 bilion pada tahun 2014. Kerajaan berupaya menyalurkan bantuan tunai melebihi anggaran penjimatan subsidi bahan api dan gula hasil daripada pengurusan kewangan yang baik dan dapat memastikan defisit fiskal terus berkurang.

Untuk makluman juga, pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah dan mengimbangi kenaikan harga barangan. Bantuan ini telah dapat meringankan beban rakyat dalam membantu mereka membeli barangan

keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain. Disamping itu, terdapat penerima yang menggunakan bantuan tersebut sebagai modal bagi menjalankan perniagaan kecil-kecilan bagi pembelian perkakasan seperti peralatan memasak, membuat kuih dan pertukangan yang secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Tuan Yang Dipertua,

Bantuan BR1M yang diberikan adalah secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Malah, mereka yang telah menerima bantuan kebajikan sedia ada juga di beri bantuan BR1M. Kejayaan program BR1M adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6620**

**SOALAN:**

**Datuk Jumat bin Idris [ Sepanggar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) berapakah kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan pada tahun 2013 untuk menguruskan Pendatang Tanpa Izin terutamanya dari segi kos Makan, Minum dan Tempat tinggal tahanan PATI ini; dan
- (b) apakah usaha Kementerian untuk mengurangkan kos ini di masa akan datang.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jumlah kos makan minum dan kos pengusiran bagi 35,431 orang PATI pada tahun 2013 adalah sebanyak RM4,289,898.10.**

**Kerajaan telah dan sedang mengambil segala usaha untuk mengusir tahanan tersebut ke negara asal masing-masing dalam kadar segera antaranya termasuk mengadakan kerjasama dengan pihak kedutaan dan perwakilan bagi mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan PATI tersebut. Selain itu, Kerajaan juga mengambil inisiatif menghubungi ahli keluarga PATI untuk mendapatkan kerjasama dalam urusan penghantaran pulang termasuk meminta pihak mereka menanggung tambang perjalanan balik.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**  
**TARIKH : 10 APRIL 2014**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah sebenar pesakit Diabetes Mellitus di Malaysia. Apakah Kementerian menganggap langkah pencegahan setakat ini berkesan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Survei Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) tahun 2011 telah menunjukkan bahawa dianggarkan terdapat 2.6 juta orang penduduk Malaysia dewasa yang berumur 18 tahun dan ke atas yang kini menghidap penyakit diabetes. Ini telah meningkat dari 1.5 juta dari keputusan Survei NHMS III, tahun 2006.

Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit atau *National Strategic Plan for Non-Communicable Diseases (NSP-NCD)* 2010-2014 telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 14 Disember 2010. Objektif utama pelan strategik jangkamasa sederhana ini adalah untuk mengurangkan beban penyakit NCD di Malaysia. Pencapaian

program dan aktiviti-aktiviti di bawah NSP-NCD 2010-2014 akan dinilai melalui dua indikator utama, iaitu prevalen diabetes dan obesiti. Manakala, sasaran yang telah ditetapkan adalah untuk mengekang peningkatan prevalen diabetes dan obesiti pada tahun 2015, berbanding tahun 2010. Bagi tujuan ini, Survei Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) bagi faktor risiko NCD akan dilaksanakan pada tahun 2015, dan laporan akan diterbitkan pada awal tahun 2016, bila mana kita boleh menilai keberkesanan pelaksanaan NSP-NCD 2010-2014.

Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan di bawah NSP-NCD 2010-2014, melalui intervensi polisi dan peraturan bagi mewujudkan persekitaran yang menyokong gaya hidup yang sihat dan juga bagi memperkasakan komuniti dalam gaya hidup yang sihat. Namun begitu, masih banyak lagi yang perlu kita semua lakukan untuk mengurangkan beban penyakit NCD di Malaysia. Semua pihak mempunyai peranan yang penting, bukan hanya Kerajaan, tetapi juga pihak swasta, pihak NGO, komuniti dan juga individu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[ BUKIT BENDERA ]

TARIKH : 10 APRIL 2014

RUJUKAN : 6622

SOALAN:

Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa buku *Asal-usul Spesies* terjemahan F. Susilohardo dan Basuku Hernawo diharamkan di Malaysia, sedangkan buku asalnya *The Origin of Spesies* tidak dilarang untuk dibaca dan dijual.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Penerbitan bertajuk “The Origin of Species - Asal-usul Spesies” terjemahan F. Susilohardo dan Basuku Hernowo (diterbitkan di Indonesia) telah dikenakan tindakan di bawah Perintah Mesin Cetak dan Penerbitan (Kawalan Hasil Penerbitan Tak Diingini) mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 pada 21 Disember 2006 kerana memudaratkan ketenteraman awam dan ditegah pengedarannya di seluruh Malaysia.**

**Berdasarkan pandangan dan perakuan Jawatankuasa Penapisan Bahan-bahan Penerbitan Berunsur Islam, Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia, buku terjemahan tersebut memberi gambaran mengenai asal-usul penciptaan mahluk yang bertentangan dengan ajaran Islam dan didapati bercanggah dengan Garis Panduan Penapisan Bahan-bahan Berunsur Islam serta pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi amalan umat Islam di negara ini.**

**Dalam masa yang sama, Kementerian Dalam Negeri tidak pernah menerima sebarang aduan berhubung wujudnya percanggahan dari aspek agama Islam terhadap buku asal *The Origin of Species* karya Charles Darwin mengikut Garis Panduan Penapisan Bahan-bahan Berunsur Islam, JAKIM.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6623**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada tawaran RM1200 untuk menampar YB. Seputeh adalah satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan sekiranya ya, apakah tindakan yang diambil dan sekiranya tidak, kenapa.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Puchong mengenai tawaran RM1200 untuk menampar YB Seputeh adalah bukan merupakan satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan. Ini kerana, tidak ada peruntukan undang-undang di bawah Kanun Keseksaan yang melibatkan kesalahan membuat tawaran untuk melakukan suatu kesalahan.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sebagai tambahan, secara umumnya adalah menjadi prinsip dalam undang-undang jenayah, suatu kesalahan jenayah akan hanya wujud apabila terdapatnya dua (2) elemen iaitu bersekali dengan izin Tuan Yang Dipertua *actus reus* (perbuatan) dan *mens rea* (niat jahat). Maka, tanpa kedua-dua elemen ini suatu kesalahan jenayah tersebut adalah tidak wujud.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]**  
**TARIKH : 10.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada semua sekolah-sekolah rendah yang beraliran Bahasa Cina di Bahagian Sarikei tidak menghadapi kekurangan guru-guru yang beropsyen Bahasa Cina. Adakah sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan di Bahagian Sarikei masih menghadapi masalah kekurangan guru Bahasa Cina.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga masa ini, di Bahagian Sarikei, terdapat kekurangan enam (6) orang guru mata pelajaran Bahasa Cina di sekolah rendah dan tiga (3) di sekolah menengah. Kekurangan ini dijangka akan dapat diisi dengan penempatan baru pada 1 April 2014.

**NO. SOALAN : 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
[ SEPANG ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [ Sepang ] minta MENTERI  
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- (a) adakah perpustakaan daerah Sepang akan dibina di Parlimen Sepang dan jika ya bila akan dibina; dan
- (b) jika tidak, adakah Kerajaan bersedia membinanya dengan kadar segera bagi memenuhi permintaan penduduk daerah Sepang.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, Kerajaan telah membina sebanyak 7 buah perpustakaan awam di daerah Sepang iaitu sebuah perpustakaan awam pekan dan 6 buah perpustakaan desa yang dikira mencukupi bagi menampung keperluan seramai 207,354 orang penduduk daerah tersebut untuk mendapat ilmu dan maklumat menerusi perkhidmatan perpustakaan. Perpustakaan awam yang terdapat di daerah Sepang adalah seperti berikut:

- (i) Perpustakaan Awam Pekan Sungai Pelek;
- (ii) Perpustakaan Desa Kg. Hulu Chuchoh, Sungai Pelek;
- (iii) Perpustakaan Desa Jenderam Hilir;
- (iv) Perpustakaan Desa Kg. Dato' Ahmad Razali, Dengkil;
- (v) Perpustakaan Desa Kg. Sungai Merab, Kajang;
- (vi) Perpustakaan Desa Bagan Lalang, Sungai Pelek; dan
- (vii) Perpustakaan Desa Bukit Bangkong.

Bagaimanapun Kerajaan sedia menimbangkan cadangan untuk membina sebuah perpustakaan awam daerah di Sepang dalam rancangan pembangunan akan datang sekiranya terdapat keperluan kritikal dan tertakluk kepada keadaan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI  
(KUALA KRAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10.04.2014**

**Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [ KUALA KRAI ]** minta

**MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) bagaimanakah pemilihan '*project delivery partner*' untuk projek MRT Sungai Buloh-Kajang dibuat sebelum ini; dan

(b) adakah sebarang proses penilaian atau tender dibuat bagi mendapat tawaran yang kompetitif.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek MRT Sungai Buloh-Kajang (Laluan 1) merupakan inisiatif yang telah dikemukakan oleh MMC-Gamuda JV termasuk cadangan mengguna pakai kaedah *project delivery partner* (PDP). Setelah mengambil kira pelbagai aspek justifikasi dan kesesuaian kaedah berkenaan secara terperinci termasuk kejayaan projek rel berimpak tinggi/kompleks di negara-negara lain yang menggunakan PDP seperti; *London Crossrail* dan *Korean High Speed Rail*, Kerajaan telah bersetuju supaya kaedah PDP diguna pakai buat pertama kalinya bagi pelaksanaan Projek MRT Laluan 1 dan MMC-Gamuda JV dilantik secara terus sebagai PDP. Pelantikan berkenaan dibuat berdasarkan kepada pertimbangan terperinci yang meliputi pengalaman, *track record* dan kapasiti kewangan dan teknikal MMC-Gamuda JV dalam projek-projek berskala besar/kompleks. Sebagai contoh; pembinaan terowong, lebuh raya, lapangan terbang, pelabuhan dan Projek Landasan Keretapi Berkembar Elektrik dari Rawang ke Ipoh. Selain itu, MMC-Gamuda JV juga diyakini memiliki keupayaan untuk menanggung tanggungjawab sepenuhnya sebagai *Single Point of Accountability* dan mempunyai KPI

bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual dan pada kos yang ditetapkan. Sebarang peningkatan kos dan kos kelewatan projek yang berbangkit akan ditanggung oleh PDP.

Berdasarkan kepada status pelaksanaan konsep PDP pada masa ini yang menggalakkan dan tidak menghadapi sebarang masalah kritikal, kaedah PDP jelas terbukti efektif dan berkesan dalam memelihara Kerajaan dari risiko peningkatan kos dan kelewatan projek. Bagaimanapun, proses pemilihan PDP di masa hadapan akan diperkembangkan dan dilaksanakan secara tender terbuka serta tidak terhad kepada Projek MRT sahaja. Dalam hubungan ini, Kerajaan tidak menolak kemungkinan pelaksanaannya akan diperluaskan dalam pelaksanaan projek-projek lain yang bersesuaian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN**

**[ MASJID TANAH ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:**

- (a) apakah syarat-syarat kelayakan bagi pengusaha TASKA untuk mendapatkan insentif geran bagi pembukaan serta operasi TASKA mereka; dan
- (b) berapa ramaikah pengusaha TASKA yang telah berjaya memperolehi insentif geran bagi penubuhan serta operasi TASKA tersebut bagi tahun 2014.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

a) Bagi menggalakkan pembukaan lebih banyak TASKA berkualiti, pihak kerajaan memberi insentif khusus kepada TASKA baru yang ditubuhkan pada tahun 2013. Insentif ini dibahagikan kepada 3 kategori iaitu:

i. TASKA Institusi

- a. Kategori 1 - Bilangan kanak-kanak 20 orang ke bawah menerima RM10,000.00 sekaligus.
- b. Kategori 2 - Bilangan kanak-kanak 20 orang ke atas dan memasang kemudahan CCTV menerima RM20,000.00 sekaligus.

ii. TASKA di rumah

Kategori 3 - TASKA di Rumah layak mendapat insentif sebanyak RM3,000.00 sekaligus.

Antara syarat kelayakan bagi pengusaha TASKA untuk mendapatkan insentif Geran Permulaan TASKA ialah:

- i. Borang permohonan geran permulaan TASKA (Borang GP 1 - dimuat turun melalui laman sesawang Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM));
- ii. Salinan Kad Pengenalan Pengusaha TASKA;
- iii. Salinan Perakuan Pendaftaran TASKA;
- iv. Salinan bil utiliti (bil elektrik);
- v. Salinan resit bayaran yuran bulanan pengasuhan;
- vi. Salinan penyata buku akaun bank TASKA;
- vii. Salinan My Kid kanak-kanak di bawah umur 4 tahun;
- viii. Senarai rekod kehadiran kanak-kanak di bawah umur 4 tahun;
- ix. Gambar hadapan bangunan TASKA; dan
- x. Gambar pengusaha bersama kanak-kanak di TASKA.

Semua salinan dokumen ini hendaklah disahkan oleh kakitangan awam kumpulan Pengurusan dan Profesional dan dikemukakan kepada Bahagian Perundangan dan Advokasi, JKM.

Tuan Yang Dipertua,

(b) Bagi tahun 2014, kerajaan tidak lagi mempunyai skim insentif untuk TASKA baru.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK NUR JAZLAN MOHAMED**  
**KAWASAN** : **PULAI**  
**TARIKH** : **10.4.2014 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN** : **60**

**Y.B. DATUK NUR JAZLAN MOHAMED** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengenai kepentingan Dasar Automatif Nasional (DAN) 2014 dalam menjadikan Malaysia sebagai Hab Pengeluar Kenderaan Cepak Tenaga (EEV).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Dasar Automatif Nasional (NAP) 2014 yang dilancarkan pada 20 Januari 2014 akan terus membantu Kerajaan dalam usaha untuk mewujudkan industri automotif tempatan yang lebih kompetitif dan berdaya saing dan seterusnya membangunkan Malaysia sebagai hab automotif serantau bagi segmen kenderaan bertenaga efisien (EEV) menjelang tahun 2020.

Dalam hal ini, NAP 2014 telah menggariskan langkah-langkah untuk membangunkan industri automotif negara supaya selari dengan perubahan teknologi dan perkembangan terkini industri automotif serantau dan global.

Bagi mencapai hasrat ini, NAP 2014 juga menawarkan pelbagai bentuk galakan dalam bentuk status perintis atau elaun cukai pelaburan, geran R&D dan latihan, pengurangan cukai dan sebagainya. Selain itu, pelbagai bentuk pinjaman mudah bagi aktiviti-aktiviti pembangunan keupayaan serta geran bagi pembangunan modal insan turut disediakan di bawah NAP 2014.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA  
[ BATU – PKR ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. 61)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jika ada sebarang perancangan atau pelan untuk membina litar motor untuk anak-anak muda yang berminat dalam sukan motor.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia Dan Sukan sedang dalam proses untuk membina Sukan Permotoran yang merangkumi litar cubprix, litar motorcross, litar mortard dan juga litar drag di kawasan Pagoh. Dijangkakan litar ini mampu menampung permintaan anak-anak muda di seluruh Malaysia selain dari litar permotoran yang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim  
[ Bandar Tun Razak ]**

**TARIKH : 10.4.2014**

**SOALAN :**

**Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah efektif yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi mengawal kualiti Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan mengekang kilang-kilang ijazah daripada bertambah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menguatkuasakan moratorium (pembekuan) ke atas penubuhan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) baharu berstatus universiti, kolej universiti, dan kolej telah dikuatkuasakan bagi tempoh dua (2) tahun mulai 1 Februari 2013. Moratorium ini adalah bertujuan untuk mengelakkan berlakunya lebih penawaran berbanding permintaan dalam sektor pengajian tinggi swasta di Malaysia bagi membolehkan kementerian meningkatkan kualiti IPTS sedia ada.

KPM melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sentiasa memastikan pengajian tinggi negara bukan hanya menepati keperluan dan kehendak kualiti global, malah sejajar dengan tuntutan semasa dan kehendak industri. MQA telah melaksanakan sistem penarafan melalui instrumen Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) untuk mengukur kualiti dan pembelajaran

pada tahap enam (6) Kerangka Kelayakan Malaysia (peringkat ijazah pertama) bagi universiti dan kolej universiti di Malaysia.

MQA juga turut melaksanakan Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (*Disciplined-Based Rating System*, D-SETARA) ke atas universiti dan kolej universiti di Malaysia. D-SETARA memberi fokus kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran program peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam empat (4) disiplin pengajian iaitu Perubatan, Pergigian dan Farmasi; Sains Kesihatan; Kejuruteraan dan Pelancongan dan Hospitaliti.

Selain itu, KPM juga memperkenalkan sistem penarafan Sistem Penilaian Kualiti Malaysia bagi IPTS (MyQuest) dalam menggalakkan budaya peningkatan kualiti di kalangan kolej-kolej swasta dan sebagai langkah untuk menilai prestasi semasa IPTS di Malaysia dari segi pelajar, program, graduan, sumber dan tadbir urus.

Dalam usaha meningkatkan kualiti graduan IPTS oleh Pemberi Pengajian Tinggi, Kementerian melalui MQA juga sentiasa memastikan program yang ditawarkan memenuhi spesifikasi jaminan kualiti melalui langkah-langkah berikut:

- a. Penilaian program melalui instrumen *Code of Practice for Programme Accreditation* (COPPA) dan audit institusi menggunakan *Code of Practice for Institutional Audit* (COPIA);
- b. Membangunkan “Standard Program Mengikut Bidang Disiplin” dan “Standard Untuk Semua Bidang Disiplin”;
- c. Membangunkan “Garis Panduan Amalan Baik” untuk menyokong keperluan COPPA dan COPIA; dan

- d. Pembentukan kurikulum berasaskan hasil pembelajaran (learning outcome) pelajar.

Bagi memastikan pihak IPTS menawarkan perkhidmatan dan pengoperasian berkualiti, KPM telah menggubal dasar yang diterjemahkan dalam Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] di mana penubuhan IPTS perlu berdaftar dengan KPM. Ini membolehkan pemantauan pencapaian, penganan kompaun dan pendakwaan dilaksanakan jika IPTS melanggar peraturan yang ditetapkan.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD  
IMRAN BIN ABD HAMID (B) [ LUMUT ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [ Lumut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang bahawa Undang-undang Islam di Malaysia akan dikuatkuasakan mulai tahun ini demi mengurangkan kadar jenayah (kemungkaran dan kejahatan) daripada terus meningkat.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL  
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari kesesuaian syariat Islam untuk digunapakai dalam semua zaman, tempat dan keadaan dan sentiasa dari semasa ke semasa berusaha mengharmonikan undang-undang sedia ada

supaya selaras dengan *maqasid Syariah*. Undang-undang yang berkuat kuasa pada masa ini seperti Kanun Keseksaan (Disemak-1997) [Akta 574], Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak-1981) [Akta 234], Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37] diwujudkan bagi membantu Kerajaan dalam menjamin keamanan negara. Oleh yang demikian, walaupun ia tidak dinamakan undang-undang Islam, ia boleh dikuatkuasakan ke atas semua lapisan masyarakat dan diyakini mampu menangani masalah jenayah yang berlaku sekaligus menjamin keamanan negara.

Di samping itu, berdasarkan Fasal (2) Perkara 74 dan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri. Kuasa negeri, berkenaan dengan pewujudan dan penghukuman kesalahan terhadap perintah agama Islam hanya terpakai bagi orang yang menganut agama Islam sahaja dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Persekutuan.

Dalam hal ini, berdasarkan seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355], bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah di negara ini adalah terhad kepada hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit dan sebatan yang tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.

Kerajaan telah selesai meneliti cadangan pindaan untuk **meningkatkan had hukuman yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah Syariah** melalui pindaan kepada Akta 355 tersebut. Menerusi pindaan yang dicadangkan, had bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman akan diperluaskan dan dipertingkatkan sesuai dengan maqasid Syariah.

Dalam hal ini, Kerajaan terus berusaha untuk memartabatkan pelaksanaan undang-undang Islam ini dengan menaik taraf sistem kehakiman Syariah di negara ini juga. **Mahkamah Syariah akan dinaik taraf daripada tiga (3) peringkat mahkamah kepada lima (5) peringkat** iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri dan Majlis Rayuan Syariah. Kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah juga akan disemak semula dan dinaik taraf. Komitmen Kerajaan dalam hal ini adalah jelas dan ia memerlukan sokongan padu dari semua pihak bagi memastikan usaha ini dapat dijayakan.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 64**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
[JASIN]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Wira Haji Ahmad Bin Hamzah [ JASIN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hala tuju negara sama ada akan mengisytiharkan Malaysia sebagai negara maju apabila kita telah mencapai tahap negara berpendapatan tinggi nanti serta bersedia pula memikul tanggungjawab sebagai sebuah negara maju dan sanggup kehilangan bantuan dan kemudahan yang biasanya dinikmati oleh sebuah negara membangun.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan yakin bahawa Malaysia mampu mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 seperti yang dirancang. Walaupun terdedah kepada penyederhanaan ekonomi global, prestasi ekonomi Malaysia masih menggalakkan dengan pertumbuhan 4.7% pada tahun 2013 dan pendapatan negara per kapita (PNK) meningkat kepada AS\$10,059 (RM31,697).

Bagi tempoh 2014 hingga 2020, Kerajaan akan terus melaksanakan agenda transformasi di mana ekonomi negara dijangka berkembang antara 5% - 6% setahun dan PNK meningkat kepada AS\$18,092 (RM56,087) pada tahun 2020, berbanding anggaran paras minimum pendapatan per kapita negara maju sebanyak AS\$15,000 (RM46,501). Malah negara dijangka mampu mencapai paras minimum pendapatan per kapita bagi negara maju seawal 2018. Sehubungan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk mendabik dada akan pencapaian PNK ini kerana matlamat yang lebih penting adalah memastikan pencapaian pembangunan diiringi dengan aspek-aspek inklusif dan *sustainability* atau mampan agar kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat adalah setanding atau lebih baik berbanding dengan negara maju yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sedar apabila Malaysia menjadi sebuah negara maju dan makmur, Malaysia tidak layak untuk menerima bantuan teknikal daripada kebanyakan negara maju.

Namun begitu, dalam kes-kes tertentu Malaysia masih boleh menerima bantuan teknikal daripada negara atau agensi seperti Rusia, Switzerland, Norway dan Jepun bagi *Generalised Scheme of Preferences* (GSP) dan *United Nations Development Programme* di dalam bidang khusus secara perkongsian kos. Di samping itu, Malaysia juga akan terus memainkan peranan aktif dalam program bantuan teknikal kepada negara sedang membangun dan mundur menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (*Malaysian Technical Cooperation Programme – MTCP*) sejak tahun 1980 dengan menganjurkan program latihan bina-upaya (*capacity building*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. Dato' Dr. Nik Mazlan bin Nik Mohamad  
[ Pasir Puteh ]**

**TARIKH : 10.4.2014**

**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Dr. Nik Mazlan bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kos untuk pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mengikut pecahan dari tahun 2011 sehingga 2013 :-

- a) latihan dan peralatan untuk guru: laptop, LCD Projector; dan
- b) buku teks dan lain-lain.

**JAWAPAN**

Jawapan (a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan termasuk pelaksanaan rintis Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sehingga penghujung 2013 adalah sebanyak RM24 juta yang melibatkan perbelanjaan bagi;

- a) Latihan guru sekolah menengah seramai 102,000 guru tingkatan 1,2 dan 3, manakala 336,000 guru sekolah rendah bagi tahun 1,2,3,dan 4;
- b) Penyediaan pakej Dokumen Standard Prestasi (DSP) PBS;

- c) Pembinaan item Pentaksiran Pusat; dan
- d) Penataran PBS

Manakala, Sistem aplikasi PBS (SPPBS) telah dibangunkan oleh Kementerian pendidikan Malaysia sendiri pada tahun 2011 dan kos yang terlibat hanyalah untuk hosting dan perkhidmatan internet sahaja.

Rjm145

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA  
MERICAN  
(KEPALA BATAS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10.04.2014**

**Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [ KEPALA  
BATAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dana yang diuruskan syarikat-syarikat broker saham antarabangsa yang ada di Malaysia setakat tahun 2013 ini dan apakah ada perancangan di peringkat kerajaan untuk menambah jumlah "*foreign stockbrokers*" dalam masa terdekat ini.

**JAWAPAN**

Setakat ini, terdapat tujuh (7) syarikat broker saham asing di Malaysia. Semua syarikat tersebut tidak menjalankan aktiviti yang membabitkan pengurusan dana. Syarikat broker saham asing hanya dibenarkan

menjalankan aktiviti-aktiviti di bawah Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007 (CMSA 2007) seperti berikut:

1. Berniaga dalam sekuriti;
2. Berniaga dalam derivatif;
3. Berniaga dalam sekuriti hutang;
4. Nasihat pelaburan;
5. Menasihati kewangan korporat;
6. Perancangan kewangan;
7. Berurusan dalam skim persaraan swasta; dan
8. Produk berstruktur dan waran berstruktur.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, tujuh (7) lesen yang dikeluarkan kepada syarikat broker saham asing yang berkelayakan daripada 11 lesen yang telah ditawarkan iaitu melalui Skim Khas pada tahun 2005, Skim menggalakkan aliran masuk pelaburan Timur Tengah pada tahun 2008 dan Skim segmen pembrokeran runcit pasaran pada tahun 2010.

3. Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan skim baharu memandangkan masih terdapat empat (4) kekosongan seperti berikut:

- Satu (1) kekosongan di bawah Skim menggalakkan aliran masuk

pelaburan Timur Tengah; dan

- Tiga (3) kekosongan di bawah Skim segmen pembrokeran runcit pasaran.

Sehubungan itu, Kerajaan amat mengalu-alukan syarikat-syarikat broker saham asing yang berminat untuk menubuhkan operasi di Malaysia tertakluk kepada penilaian oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM  
[ BALING ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Datuk Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah usaha Kementerian bagi meningkatkan dan menstabilkan harga getah bagi memastikan pendapatan pekebun kecil lebih terjamin terutamanya mereka yang mengalami bebanan kewangan akibat penurunan harga komoditi ini.**

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memahami kesan turun naik harga getah kepada pekebun kecil. Sehubungan dengan itu, Kerajaan mengambil langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi menstabilkan harga getah. Antara langkah-langkah jangka pendek yang diambil ialah:

- i. memantau pergerakan harga getah supaya memastikan harga di peringkat ladang (*farmgate*) menggambarkan keadaan pasaran sebenar dan memberikan pendapatan yang *remunerative* kepada pekebun kecil; dan
- ii. bekerjasama dengan Thailand dan Indonesia di bawah rangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC). Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh negara *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) ialah melaksanakan *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) dan *Supply Management Scheme* (SMS). AETS adalah skim jangka pendek yang melibatkan pengawalan/ penahanan eksport getah asli. Manakala SMS merupakan langkah jangka panjang yang memantau pengembangan kawasan baharu dan penambahan pengeluaran getah bagi setiap negara anggota sehingga tahun 2020 bagi memastikan tingkat penawaran tidak melebihi unjuran jumlah permintaan getah dunia

Langkah-langkah jangka panjang adalah:

- i. memperkuat aktivitas-aktivitas promosi untuk menembusi pasaran-pasaran baharu bagi produk-produk berasaskan getah seperti sarung tangan getah dan komponen automotif;
- ii. meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk mempelbagaikan kegunaan getah seperti pengeluaran produk getah yang mesra alam; dan
- iii. menyediakan insentif menanam semula pokok-pokok getah yang tua dengan benih klon getah yang berkualiti tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG**  
**[ MARANG ]**  
**TARIKH : 10.04.2014 (KHAMIS)**

**DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [ MARANG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah ulama dan pakar-pakar ekonomi Islam turut dilibatkan dalam Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup yang ditubuhkan oleh kabinet ke arah mengambil pendekatan Islam sebagai penyelesaian.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sebagai Kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup Rakyat pada 15 Januari 2014 susulan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri. Jawatankuasa ini merupakan lanjutan daripada NKRA Menangani Kos Sara Hidup yang diperluaskan skop dan peranannya dan bertindak sebagai Jawatankuasa Pusat untuk menangani isu-isu kenaikan kos sara hidup rakyat dan harga barang secara bersepadu. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan keahliannya melibatkan 15 YB Menteri-Menteri serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan Ketua Kluster Ekonomi dan Pengurusan, Majlis Profesor Negara.

Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa ini antaranya, adalah untuk mengkaji dasar sedia ada dan merancang strategi-strategi bagi mengenal pasti dan menangani isu kenaikan kos sara hidup rakyat di samping menyelaraskan pelaksanaan dasar dan program daripada pelbagai kementerian dan agensi-agensi yang terlibat. Memandangkan tanggungjawab besar yang dipikul, sebarang keputusan Jawatankuasa Khas ini dibuat adalah berdasarkan rujukan kepada pakar-pakar dalam bidang masing-masing daripada pelbagai Kementerian/Agensi.

Pada masa yang sama, Jawatankuasa Khas ini boleh menjemput wakil Kementerian/Agensi atau pakar dalam bidang berkaitan untuk memberi pandangan dan cadangan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR**  
**[ POKOK SENNA ]**  
**TARIKH : 10.04.2014 (KHAMIS)**

**DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [ POKOK SENNA ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah kesan kepada pengguna daripada Ops Harga 2.0

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian telah menggerakkan operasi menangani kenaikan harga barang dalam pasaran melalui **OPS HARGA 2014** yang bermula pada **1 Januari 2014** dan masih diteruskan sehingga kini. Operasi ini merupakan kesinambungan tindakan penguatkuasaan ke atas harga barang yang dijalankan di bawah Ops Harga 2013.

Dalam pelaksanaan **OPS HARGA 2014**, pemeriksaan dan penguatkuasaan telah diperhebatkan bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang secara tidak munasabah, mematuhi undang-undang penandaan harga, menjual barang pada harga maksimum yang ditetapkan Kerajaan, dan menggunakan alat timbang dan sukat yang tepat semasa menjual barang.

Sehingga 28 Februari, sebanyak **254,407** pemeriksaan telah dijalankan menghasilkan **2,239** kes dengan **nilai rampasan** sebanyak **RM 360,187.79** dan **nilai kompaun** diterima sebanyak **RM 127,550.00**. Daripada jumlah keseluruhan kes tersebut sebanyak 1,124 kes membabitkan kesalahan tidak meletakkan tanda harga dan 615 kes penggunaan alat timbang sukat yang tidak ditentusahkan dan 29 kes atas kesalahan petunjuk atau gambaran mengelirukan mengenai harga.

Tindakan yang tegas sepanjang Ops Harga terhadap pematuhan penandaan harga oleh penjual runcit membolehkan pengguna memperolehi maklumat untuk membuat perbandingan harga sebelum membuat keputusan ke atas sesuatu pembelian. Pada masa yang sama penandaan harga mengalakkan peniaga mengadakan promosi

penjualan barang pada harga yang lebih kompetitif di pasaran. Dengan ini, pengguna berpeluang membeli barangan pada harga yang lebih rendah dan menikmati faedah daripada pembelian barangan pada harga berpatutan.

Penguatkuasaan ke atas penggunaan alat timbang sukat yang tidak ditentukan memastikan alat timbang dan sukat yang digunakan dalam perniagaan adalah tepat. Sehubungan dengan itu, pengguna akan dapat membuat pembelian dalam kuantiti timbangan yang tepat dan mendapat faedah atas nilai wang yang dibelanjakan.

Dari aspek perbuatan peniaga yang cuba menaikkan harga barangan, tindakan penguatkuasaan yang giat dijalankan ke atas aktiviti pencatutan melalui **pengeluaran Notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011**. Notis ini mewajibkan peniaga mengemukakan penjelasan dan maklumat mengenai kenaikan harga dan ini merupakan satu langkah deterrent kepada peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dan memanipulasikan harga.

**NO. SOALAN: 70**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ ALOR GAJAH ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6625**

**SOALAN:**

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada anggota polis mematuhi tatacara piawai [SOP (*Standard Operating Procedure*)] sebelum menembak mati seorang lelaki yang dikatakan telah mengamuk dan menyerang anggota polis dengan menggunakan dua bilah pisau di Machap Umboo, Melaka yang berlaku pada 8 Februari 2014.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak polis tidak dibenarkan untuk sewenang-wenangnya melepaskan tembakan semasa menjalankan tugas atau semasa tugas operasi. PDRM sentiasa mengingatkan semua anggotanya agar mengambil langkah-langkah keselamatan diri dan juga limitasi kuasa semasa menggunakan senjata api berdasarkan Perintah Tetap Ketua Polis Negara (IGSO) D222 dan juga Arahan Ketua Polis Negara ( *IG's Order* ) No 79. Kadangkala terdapat tindak balas daripada penjenayah yang mana pertembungan ini membawa kepada kejadian tembak-menembak atau diserang dengan senjata yang berbahaya dan menyebabkan pihak polis terpaksa bertindak bagi mempertahankan diri. Tindakan ini selaras dengan hak mempertahankan diri di bawah seksyen 100 dan 103 Kanun Keseksaan.**

**Setiap kejadian tembak oleh anggota PDRM akan disiasat dengan rapi dan jika terdapat kecuaiian atau salah laku anggota polis, PDRM tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pegawai atau anggota berkenaan termasuk mendakwa mereka di mahkamah.**

**Prosedur tangkapan yang dibuat oleh pihak polis tertakluk kepada seksyen 15 Kanun Prosedur Jenayah memperuntukkan bahawa tangkapan boleh dilaksanakan dengan menyentuh atau mengurung badan orang yang hendak ditangkap itu, melainkan jika orang**

berkenaan menyerah diri kepada mana-mana pegawai polis sama ada melalui percakapannya atau tingkah lakunya. Walau bagaimanapun, jika orang yang hendak ditangkap itu melawan dengan kekerasan atau cuba lari dari tangkapan, maka pegawai polis berkenaan boleh menggunakan sebarang langkah yang wajar untuk melaksanakan tangkapan tersebut.

Dalam kejadian tembakan di Macap Umbu, Melaka pada 8 Februari 2014 yang lalu, berlaku apabila seorang lelaki Cina yang cuba menyerang pihak polis semasa cuba ditangkap kerana telah menyerang dan mengugut seorang lelaki dengan menggunakan senjata dipercayai pisau dan parang. Pihak polis telah melepaskan satu das tembakan dan terkena bahagian perut setelah cuba dipujuk agar menyerah diri. Mangsa telah meninggal dunia semasa pembedahan mengeluarkan peluru. *Post Mortem* telah dijalankan dan sebab kematian adalah akibat kecederaan terkena tembakan di bahagian abdomen.

Kertas Siasatan telah dibuka berkait Machap Baru Repot 88/2014, di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan dan akan dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya setelah mendapat laporan *post mortem*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM  
[ KUBANG PASU ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6626**

**SOALAN:**

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [ Kubang Pasu ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan tentang Pendatang Asing Tanpa Izin  
(PATI) :-**

- (a) berapa ramai yang berada di negara kita sejak 2005 sehingga kini dan jumlah aliran keluaran mata wang yang dihantar ke negara asal mereka; dan
- (b) berapa peruntukan kewangan yang terlibat untuk mengurus PATI sejak 2005 sehingga kini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Berdasarkan rekod pendaftaran PATI di bawah Program 6P yang telah dilaksanakan pada 1 hingga 31 Ogos 2011, bilangan PATI yang berdaftar ketika itu adalah seramai 1,303,126 orang. Walau bagaimanapun, jumlah PATI yang telah ditangkap dari tahun 2005 hingga 2013 adalah seramai 416,156 orang.**

**Tiada maklumat mengenai jumlah peruntukan kewangan yang terlibat untuk mengurus PATI dari tahun 2005 sehingga 2010. Walau bagaimanapun jumlah peruntukan kewangan yang terlibat untuk mengurus PATI dari tahun 2011 sehingga Februari 2014 adalah sebanyak RM 41,955,132.77.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [ Pandan ]**  
**TARIKH : 10.4.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [ Pandan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai semua syarikat yang dianugerahkan konsesi untuk membina kampus-kampus baru UiTM di seluruh Malaysia yang dimeterai di antara Kerajaan Malaysia dan syarikat swasta sejak tahun 2009 dengan menyatakan maklumat tempoh konsesi, anggaran kos pembinaan kampus dan jumlah bayaran sewa tahunan oleh Kerajaan Malaysia kepada syarikat-syarikat ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat enam (6) buah syarikat yang telah dianugerahkan konsesi bagi pembangunan kampus baharu Universiti Teknologi MARA (UiTM) sejak tahun 2009 sehingga 7 Mac 2014, iaitu:

- (a) UiTM Kota Samarahan, Sarawak  
Syarikat Konsesi : Rekajaya Projek Sdn. Bhd.  
Tempoh Konsesi : 23 tahun
  
- (b) UiTM Pasir Gudang, Johor  
Syarikat Konsesi : Cosmic Dimension Sdn. Bhd.  
Tempoh Konsesi : 23 tahun

- (c) UiTM Seremban 3, Negeri Sembilan  
Syarikat Konsesi : Inovatif Mewah sdn. Bhd.  
Tempoh Konsesi : 23 tahun
  
- (d) UiTM Puncak Alam, Selangor  
Syarikat Konsesi : TRIpIc Ventures Sdn. Bhd.  
Tempoh Konsesi : 23 tahun
  
- (e) UiTM Jasin, Melaka  
Syarikat Konsesi : YBK Usahasama Sdn. Bhd.  
Tempoh Konsesi : 23 tahun
  
- (f) UiTM Tapah, Perak  
Syarikat Konsesi : UniTapah Sdn. Bhd.  
Tempoh Konsesi : 23 tahun

Kos pembangunan kampus-kampus UiTM tersebut adalah sekitar RM280 juta sehingga RM315 juta. Bayaran tahunan sepanjang tempoh konsesi oleh Kerajaan Malaysia kepada syarikat-syarikat berkenaan adalah sekitar RM 56 juta sehingga RM69 juta.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]**  
**TARIKH** : **10.4.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah projek/peruntukan yang sudah disalurkan kepada Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan kemudahan warga pendidik di kawasan luar bandar kedua-dua negeri ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pelaksanaan tahun 2014, sebanyak 23 buah projek merangkumi projek pembinaan baru, gantian penuh dan ubah suai naik taraf bangunan sekolah-sekolah di Sabah telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam *Rolling Plan*. Di bawah RMKe-10, sehingga kini, sebanyak 715 projek-projek pembangunan fizikal institusi pelajaran di Sabah telah disiapkan manakala sebanyak 155 buah projek pula sedang dalam pembinaan.

Bagi negeri Sarawak pula, untuk pelaksanaan tahun 2014, sebanyak 22 buah projek merangkumi projek pembinaan baru, gantian penuh dan ubah suai naik taraf bangunan sekolah-sekolah telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam *Rolling Plan*. Di bawah RMKe-10, sehingga kini, sebanyak 650 projek-projek pembangunan fizikal institusi pelajaran di Sarawak telah disiapkan. Manakala, sebanyak 83 buah projek pula sedang dalam pembinaan.

**SOALAN NO: 74**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW  
[ KEPONG ]**

**TARIKH : KHAMIS, 10 APRIL 2014**

**RUJUKAN : L15 [PR-1321-L60267]**

**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan perkembangan kadar pentaksiran (cukai pintu). Apakah masalah dan hasil yang bakal diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kepong, pada masa ini pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengadakan lapan (8) sesi pendengaran bantahan sehari selama 4 hari atau 32 sesi seminggu bermula pada 6 Januari 2014 sehingga 31 Mac 2014. Sehingga 26 Februari 2014 sebanyak 160,374 pembantah telah dipanggil menghadiri sesi pendengaran bantahan cukai pintu dan pembantah yang hadir hanya 25,594 (16%) sahaja.

Kebanyakan yang hadir tidak membantah kenaikan cukai taksiran yang dikenakan oleh pihak DBKL tetapi meminta supaya perkhidmatan disediakan oleh DBKL perlu dipertingkatkan lagi.

Keputusan pendengaran bantahan cukai taksiran dijangka akan dikeluarkan dalam bulan April 2014 setelah selesai semua sesi pendengaran bantahan dilaksanakan.

Pihak DBKL juga sedang menyediakan mekanisma untuk memberikan pengurangan kepada pihak Orang Kurang Upaya (OKU), pesara-pesara dan yang menduduki rumah sendiri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN  
AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Ust. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]  
minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI  
menyatakan lokasi dan jumlah anggaran tanah-tanah baharu yang akan  
dibuka untuk penanaman kelapa sawit pada tahun 2014.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keluasan tanaman sawit negara pada akhir tahun 2013 adalah seluas 5.2 juta hektar. Bagaimanapun, Kementerian tidak ada maklumat mengenai tanah-tanah baru yang dibuka untuk penanaman sawit. Pembukaan kawasan tanaman baharu sawit secara estet (melebihi 100 ekar) adalah keputusan pemilik tanah.

Namun begitu, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi di bawah *National Key Economic Area* – NKEA menyediakan geran melalui Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK). Di bawah skim ini, peruntukan sebanyak RM177 juta telah disediakan dengan sasaran pembukaan kawasan tanaman baharu pekebun kecil seluas 20,000 hektar.

Pecahan mengikut kawasan adalah seperti berikut:

- i. Semenanjung - 2,000 hektar
- ii. Sabah - 3,000 hektar
- iii. Sarawak - 15,000 hektar

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 76**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN [ BATU SAPI ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6705**

**SOALAN:**

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan pelancong-pelancong dari negara-negara Asia Timur Laut, terutamanya dari negara China yang didapati ramai melawat ke negeri Sabah dan seterusnya menarik perhatian mereka untuk terus melancong ke negara kita.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sektor pelancongan memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan negara dari segi pertukaran wang asing di samping dapat memperkenalkan negara di mata dunia. Kementerian memberi perhatian yang serius atas keselamatan pelancong-pelancong yang berkunjung ke negara ini.**

**Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan keselamatan pelancong-pelancong ini adalah Polis Diraja Malaysia telah mengadakan Balai Polis Bergerak di tempat-tempat tumpuan pelancong, rondaan bermotosikal, rondaan oleh anggota polis pelancong dan juga kereta peronda MPV. Di samping itu juga, para pelancong diberikan khidmat nasihat dan maklumat tentang kawasan-kawasan yang mereka hendak melawat. Pihak polis juga mengadakan perjumpaan dengan pengusaha-pengusaha pusat peranginan untuk memberi taklimat tentang keselamatan di seluruh Sabah dan mencadangkan kepada pihak pengusaha pusat peranginan memberi perhatian terhadap aspek keselamatan seperti pemasangan CCTV di lokasi yang strategik dan juga menambah bilangan pengawal keselamatan di pusat peranginan tersebut.**

**Statistik pelancong menjadi mangsa jenayah mengikut kontinjen bagi tahun 2011 sehingga 2013 seperti berikut:-**

<b>KONTINJEN</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>
<b>JOHOR</b>	<b>2</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
<b>KEDAH</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>KELANTAN</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>KUALA LUMPUR</b>	<b>191</b>	<b>91</b>	<b>182</b>
<b>MELAKA</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>2</b>
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>PAHANG</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>PERAK</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>PERLIS</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>PULAU PINANG</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>SABAH</b>	<b>5</b>	<b>0</b>	<b>5</b>
<b>SARAWAK</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>SELANGOR</b>	<b>15</b>	<b>0</b>	<b>5</b>
<b>TERENGGANU</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>217</b>	<b>97</b>	<b>199</b>

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI**  
**KAWASAN : SETIAWANGSA**  
**TARIKH : 10 APRIL 2014, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI (SETIAWANGSA)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah sebarang perancangan dari pihak Kementerian untuk mempertimbangkan rebat atau potongan kepada pengguna Touch N Go yang kerap menggunakan lebuh raya dalam tempoh setahun serta pemberian rebat cukai jalan kepada kenderaan 2000cc dan ke bawah bagi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini sedang dan masih dalam perundingan untuk mengurangkan beban rakyat dengan mengkaji kadar tol sedia ada. Di samping itu, Kerajaan juga telah melaksanakan pemberian rebat kepada pengguna kerap lebuhraya yang membuat bayaran tol secara elektronik melalui penggunaan kad Touch 'n Go.

Pemberian rebat tol tol tersebut telah dilaksanakan melalui Program Rebate Tol Pengguna Kerap yang telah dimulakan pada 1 September 2009. Melalui program ini, pengguna kenderaan kelas 1 yang membuat bayaran tol elektronik menggunakan kad Touch 'n Go di mana-mana plaza tol di semua lebuhraya sebanyak 80 kali atau lebih dalam tempoh satu bulan kalendar akan menikmati rebat 20% daripada jumlah keseluruhan penggunaan bayaran tol bagi bulan tersebut.

Di samping Program Rebate Tol Pengguna Kerap seperti yang dinyatakan di atas, syarikat konsesi lebuhraya juga turut memberikan rebat tol kepada pengguna kerap yang menggunakan lebuhraya mereka. Di antara syarikat konsesi yang menawarkan rebat tol adalah Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS) di semua lebuhraya di bawah kendaliannya kecuali Jambatan Pulau Pinang. Di samping itu syarikat Lingkaran Transkota Sdn. Bhd. (LITRAK) juga turut menawarkan inisiatif rebat kepada pengguna kerap melalui program di bawah syarikat konsesi berkenaan.

Manakala cadangan pemberian rebat cukai jalan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin  
Mohd Jarjis [ ROMPIN ]**

**TARIKH : 10.04.2014 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 78**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan :-

- (a) perancangan Kementerian untuk menaik taraf pembekalan air di kawasan luar bandar dalam perumahan Generasi Kedua baik di kampung tradisional dan di Felda-Felda; dan
- (b) adakah benar gangguan pembekalan tersebut berlaku disebabkan penyaluran air yang tidak dapat memenuhi keperluan setempat, seperti di Gugusan Tun Razak dan Selancar.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

### **Jawapan (a)**

Untuk makluman Yang Berhormat, secara asasnya skop Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah membuat penyambungan paip retikulasi ke rumah-rumah yang masih belum mendapat kemudahan akses bekalan air bersih dan terawat. Walau bagaimanapun, bagi tujuan menaik taraf sistem bekalan air di sesuatu kawasan, Kementerian akan mempertimbangkannya secara 'case by case' dengan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) berhubung dengan keperluan tersebut tertakluk kepada skop program BALB yang dilaksanakan oleh Kementerian dan peruntukan yang diluluskan.

Manakala, berhubung dengan perancangan menaiktaraf sistem bekalan air di kawasan rancangan FELDA, kerja-kerja menaik taraf sistem bekalan air di kawasan rancangan FELDA di seluruh Negeri Pahang sedang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh FELDA.

## **Jawapan (b)**

Berkaitan masalah gangguan bekalan air yang berlaku seperti di Gugusan Tun Razak dan Selancar, ianya boleh berpunca daripada pelbagai faktor seperti masalah paip yang telah lama menyebabkan kejadian paip pecah sering berlaku dan pertambahan bilangan penduduk di kawasan berkenaan. Oleh itu, projek menaik taraf bekalan air yang sedang dilaksanakan oleh FELDA ini adalah melibatkan kerja-kerja menaik taraf loji, pembinaan tangki dan penggantian paip.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 10 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Dr. Mansor bin Abd Rahman [ Sik ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah mekanisme yang telah dirangka di pihak Kementerian untuk menentukan kestabilan harga komoditi getah di pasaran dengan menetapkan harga lantai lebih kurang RM4-RM5 sekilogram bagi getah beku. Dan bagaimana pihak Kementerian dan agensi memastikan kebajikan pekerja tempatan yang bekerja di kebun kecil seperti penoreh yang mengambil upah.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah seperti komoditi-komoditi lain juga bergantung kepada permintaan dan penawaran di pasaran antarabangsa. Selain itu, ia juga ada hubung kait dengan pertumbuhan ekonomi di negara-negara pengimport utama, termasuk China, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat. Sejak suku tahun ketiga 2013, negara-negara tersebut telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang perlahan, yang secara langsung telah mengurangkan permintaan dan seterusnya memberi kesan kepada harga.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memperkukuhkan harga dan memastikan daya saing industri getah. Antara tujuannya adalah untuk memberikan pendapatan yang stabil kepada pengusaha tanaman getah terutamanya kepada 400,000 pekebun kecil yang mengusahakan hampir 95% daripada tanaman getah negara.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian adalah seperti berikut :

- i. Bekerjasama dengan Thailand dan Indonesia di bawah rangka *International Tripartiate Rubber Council (ITRC)* sebagai forum bagi membincangkan penstabilan pengeluaran di kalangan negara anggota yang memberi impak kepada pengukuhan harga getah. Ketiga-tiga negara ini menyumbang hampir 65% pengeluaran getah

dunia. Pada tahun 2012, ketiga-tiga negara telah melaksanakan *Agreed Export Tonnage Scheme (AETS)* dengan menghadkan pengeksporan 300,000 tan getah asli bagi tempoh 6 bulan dari bulan Oktober 2012 hingga Mac 2013;

- ii. Bekerjasama dengan Thailand dan Indonesia di bawah ITRC bagi melaksanakan *Supply Management Scheme (SMS)* yang melibatkan program tanaman semula yang berjadual di ketiga-tiga negara bagi mengurangkan penawaran getah asli;
- iii. Menyediakan bantuan *one-off* sebanyak RM500 kepada para pekebun kecil pada bulan Mei 2013, di mana Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM160 juta; dan
- iv. Menyediakan insentif bantuan menanam semula dan tanaman baharu getah dengan menggunakan benih klon getah yang berkualiti tinggi. Bagi tahun 2012-2014, Kerajaan telah menyediakan peruntukan di bawah *National Key Economic Area (NKEA)* untuk membiayai program tanam semula dan tanam baharu getah ke atas tanah pekebun –pekebun kecil.

Tuan Yang Di-Pertua

Menyentuh mengenai cadangan penetapan harga lantai, dimaklumkan bahawa Kerajaan buat masa ini belum bercadang menetapkan harga lantai memandangkan ia mempunyai implikasi kewangan yang tinggi.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mengkaji opsyen-opsyen yang sesuai termasuk menggalakkan aktiviti-aktiviti sampingan bagi menjana pendapatan tambahan kepada pekebun kecil getah. Langkah ini akan dapat menangani kesan negatif daripada penurunan harga dan pendapatan. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) akan terus memantau tren harga pasaran getah agar pendapatan pekebun kecil adalah *remunerative* dan tidak terjejas.

Tuan Yang Di-Pertua

Berhubung dengan isu kebajikan pekerja tempatan, Kementerian tidak terlibat dalam penentuan perkongsian hasil dan upah di antara penoreh getah dan pemilik kebun. Kadar upah yang diterima lazimnya adalah bergantung kepada perjanjian antara pemilik kebun dan penoreh.

Sekian, terima kasih.